LAPORAN TAHUNAN

ANNUAL REPORT

INSTITUT PENYELIDIKAN HIDRAULIK KEBANGSAAN MALAYSIA (NAHRIM)

NATIONAL HYDRAULIC RESEARCH INSTITUTE OF MALAYSIA (NAHRIM)



KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR (NRE)

MINISTRY OF NATURAL RESOURCES AND ENVIRONMENT (NRE)

2016

LAPORAN TAHUNAN

ANNUAL REPORT

2016



isi kandungan
Contents

4 Perutusan Ketua Pengarah

5 Maklumat Korporat

- Carta Organisasi Pengurusan Atasan
- Latar Belakang & Fungsi NAHRIM
- Misi, Visi, Objektif Penubuhan & Piagam Pelanggan
- Pusat Kajian, Bahagian & Makmal di NAHRIM

13 Penyelidikan & Pembangunan (R&D)

41 Perundingan NAHRIM

53 Khidmat Nasihat Teknikal

59 Pembangunan Produk

71 Program Latihan, Seminar & Lawatan Rasmi

81 Program Lawatan Rasmi

93 Penerbitan NAHRIM

107 Aktiviti NAHRIM Sepanjang Tahun 2016

121 Laporan Pengisian Perjawatan Nahrim

131 Laporan Kewangan

Perutusan Ketua Pengarah

Datuk Ir. Dr. Azuhan Mohamed
Ketua Pengarah NAHRIM

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera.

Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM), sebuah agensi di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) telah mengharungi Tahun 2016 melalui pelaksanaan pelbagai aktiviti dalam sektor hidro-alam sekitar termasuk projek dan program pembangunan, penghasilan produk inovasi dan pensijilan fasiliti NAHRIM serta mengadakan perkongsian pintar dengan agensi dalam dan luar negara.

NAHRIM telah menyiapkan dua kajian Pengurusan Lembangan Tasik Bersepadu iaitu Tasik Semberong di Johor dan Tasik Batang Ai di Sarawak. Kajian ini penting bagi memulihara kelestarian tasik supaya ianya sentiasa dapat memenuhi permintaan pelbagai pengguna dari aspek kuantiti dan kualiti air mentah. Penghasilan kajian ini adalah sejajar dengan keputusan Mesyuarat Majlis Sumber Air Negara ke-7 pada 1 November 2012 yang telah memperaku NAHRIM sebagai Pusat Penyelidikan dan Sumber Kebangsaan bagi Tasik dan Takungan Air Empangan di Malaysia.

NAHRIM juga telah berjaya melaksanakan Projek Data Raya melalui Portal Pengetahuan Perubahan Iklim Malaysia dengan penggunaan Perkomputeran Berprestasi Tinggi atau HPC (High Performance Computing). HPC memudahkan pemodelan data hidroiklim dalam kuantiti yang besar (billion data) bagi mendapatkan data unjuran untuk kajian impak perubahan iklim ke atas taburan hujan dan aliran sungai. Para penyelidik NAHRIM juga telah menyertai pelbagai pertandingan inovasi di dalam dan luar negara. NAHRIM telah menjuarai Anugerah Inovasi Negara 2016 (AIN 2016) bagi kategori produk iaitu Sistem Saliran Bersepadu NAHRIM atau NIDS (NAHRIM Integrated Drainage System) yang berupaya menguatkan tebing sungai serta dasar anak sungai dan sistem saliran buatan manusia.

Makmal Kualiti Air NAHRIM pula telah menerima Akreditasi MS ISO/IEC 17025:2005 oleh Jabatan Standards Malaysia dan menjadikannya sebagai sebuah makmal kualiti air yang bertauliah untuk perkhidmatan analitikal makmal. Makmal Kualiti Air NAHRIM juga terlibat dalam inisiatif Makmal 1NRE (1NRE Lab) bagi menyokong keperluan analisa kualiti air daripada agensi-agensi penguatkuasa NRE khususnya untuk mengenalpasti jenis dan punca pencemaran air dengan pantas. NAHRIM sentiasa menyokong NRE dan lain-lain agensi NRE serta lain-lain agensi Kerajaan untuk memulihara alam sekitar dan meningkatkan sektor air negara. NAHRIM turut terlibat dalam aktiviti pemuliharaan Cameron Highlands melalui kerja perundingan yang ditawarkan oleh Pusat Penyelidikan Tenaga Nasional Berhad atau TNBR (Tenaga Nasional Berhad Research Centre). Diantaranya adalah Projek Pemuliharaan Lembangan Sungai Bertam yang melibatkan langkah-langkah struktur dan bukan struktur serta penglibatan para pemegang taruh bagi memastikan kejayaannya.

Saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada pengurusan atasan, para penyelidik dan penolong penyelidik serta semua warga NAHRIM yang sentiasa menunjukkan komitmen yang tinggi untuk menjadikan NAHRIM sebagai Pusat Rujukan Kebangsaan dalam bidang hidro-alam sekitar. Saya juga berterima kasih kepada Bahagian Perancangan Korporat dan semua pegawai dan warga NAHRIM yang terlibat dalam penyediaan Laporan Tahunan NAHRIM 2016. Akhir kata, saya berharap agar semua warga NAHRIM dapat terus bekerja dalam satu pasukan demi kepentingan negara.

Wassalam, terima kasih.
Datuk Ir. Dr. Azuhan Mohamed
Ketua Pengarah NAHRIM

Maklumat Korporat
Corporate information

Ahli Jawatankuasa Laporan Tahunan 2016
Annual Report Committee Members 2016

Penasihat/Advisor
Datuk Ir. Dr. Azuhan bin Mohamed

Ketua Pengarang & Penerbitan/ Chief Editor & Publishing
Muhammad Rizal Razali

Ahli/ Members
Dr. Saim Suratman
Ir. Hj. Mohd Fauzi Mohamad
Dr. Nasehir Khan E.M. Yahaya
Ir. Mohd Zaki Mat Amin
Ir. Lee Hin Lee
Nur Eswani Darus
Syazrin Syima Sharifuddin
Ir. Hj. Mohd Radzi Abd. Hamid
Zahir Yahya
Wahadi Mohamed
Ismail Hj. Tawnie

Jawatankuasa Pengarang/ Editor Committee
Noor Azme Omar
Nur Aiza Mohamad
Mohd Khairul Nizar Shamsuddin
Jamilah Karim
Ang Shin Ying
Khairul Anuar Mohamad
Nur Lailah Abdillah
Norfarhana Samsuri

Urusetia/ Secretariats
Norazma Awang
Nur Amira Zahari
Nabilah Ismail
Huda Shaima Kaharudin

Jurugambar/ Photographers
Mohd Fazlin Zainal
Muhamad Mustafa Hashim

Carta Organisasi Pengurusan Atasan / Top Management Organisation Chart

Datuk Ir. Dr. Azuhan bin Mohamed
Ketua Pengarah/
Director General
Jusa B

Dr. Hj. Saim bin Suratman
Timbalan Ketua Pengarah/
Deputy of Director General
Jusa C

Ir. Hj. Mohd Fauzi bin Mohamad
Pengarah Makmal Hidraulik
& Instrumentasi
Director of Hydraulic
& Instrumentation Laboratory
Q54

Ir. Mohd Zaki bin Mat Amin
Pengarah Pusat Kajian Sumber Air
& Perubahan Iklim
Director of Water Resources
& Climate Change Research Centre
Q54

Ir. Lee Hin Lee
Pengarah Pusat Kajian Kualiti Air
& Alam Sekitar
Director of Water Quality
& Environment Research Centre
Q54

Ir. Hj. Mohd Radzi bin Abd Hamid
Pengarah Pusat Kajian Pantai
& Oseanografi
Director of Coastal Management
& Oceanography Research Centre
Q54

Dr. Nasehir Khan E.M. Yahaya
Pengarah Pusat Kajian Lembangan Sungai
Director of River Basin Research Centre
Q54

Zahir bin Yahya
Pengarah Pusat Kajian Hidrogeologi
Director of Hydrogeology Research Centre
Q54

Kosong
Pengarah Makmal Kualiti Air
Director of Water Quality Laboratory
Q54

Wahadi bin Mohamed
Pengarah Bahagian Pengurusan Maklumat
Director of Information Management Division
F48

Nur Eswani binti Darus
Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan
Director of Management Services Division
M48



Kosong
Pengarah Bahagian Perancangan Korporat
Director of Corporate Planning Division
M52

VISI/VISION / MISI/MISSION

Visi / *Vision*

Menjadi sebuah pusat rujukan utama penyelidikan air dan persekitarannya yang unggul di dunia menjelang tahun 2030. / *To be the premier research centre for water and its environment in the world by year 2030.*

Misi / *Mission*

Memberi perkhidmatan cemerlang sebagai pusat pakar rujuk kebangsaan dalam bidang air dan persekitarannya untuk memastikan pembangunan negara yang mampan demi kesejahteraan dan peningkatan kualiti hidup rakyat. / *To provide excellent services as an expert centre on water and its environment management to ensure sustainable growth in order to improve the quality of life and well being.*

Latarbelakang NAHRIM
Background of NAHRIM

Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) telah ditubuhkan pada September 1995 dan bernaung di bawah Kementerian Pertanian. Mulai April 2004, NAHRIM telah diletakkan di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. NAHRIM bertanggungjawab menjalankan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) serta perkhidmatan perundingan dalam bidang air dan persekitarannya./ *The National Hydraulic Research Institute of Malaysia (NAHRIM) was setup in September 1995 under the Ministry of Agriculture. As of April 2004, NAHRIM under the Ministry of Natural Resources and Environment is responsible for Research and Development (R&D) as well as consultancy services in the field of water and its environment.*

NAHRIM telah dipertanggungjawabkan untuk menjadi pusat fokal kebangsaan yang menyelaras aktiviti R&D dalam bidang air dan persekitarannya bagi memenuhi keperluan semua pihak di dalam negara./ *NAHRIM has been entrusted with the task of becoming a centre of excellence for water and its environment, R&D services as well as to co-ordinate research activities to meet the needs of the various sectors in the country.*

Bidang utama NAHRIM adalah menjalankan penyelidikan, pembangunan dan khidmat perundingan dalam bidang; Sumber Air dan Perubahan Iklim, Lembangan Sungai, Pantai dan Oseanografi, Kualiti Air dan Alam Sekitar dan Hidrogeologi./ *NAHRIM core business are conducting research and development and offering consultancy services in the fields of; Water Resources and Climate Change, River Basin, Coastal Management and Oceanography, Water Quality and Environment and Hydrogelogy.*

FUNGSI / **FUNCTIONS**

I. Menjalankan penyelidikan asas dan gunaan dalam sektor air seperti sumber air, sungai, pantai, geohidrologi dan kualiti air. / *To conduct both basic and applied research regarding water such as water resources, river, coastal, hydrogoelogy and water quality.*

II. Menyediakan perkhidmatan sokongan kepada semua pihak khasnya sektor awam dan swasta dalam menangani masalah-masalah berkaitan air dan persekitarannya. / *To provide support services to both the public and private sectors in addressing problems concerning water and its environment.*

III. Berperanan sebagai Pusat Fokal Kebangsaan dalam penyelidikan berkaitan air dan persekitarannya dengan menjadi penyelaras di peringkat kebangsaan dalam semua penyelidikan berkaitan serta mengambil bahagian dalam aktiviti penyelidikan antarabangsa secara dua hala dan/atau pelbagai hala. / *To act as the National Focal Centre in researches related to water and its environment by coordinating related national research and participating in bilateral and multilateral international research activities.*

IV. Berperanan sebagai penasihat dalam perkara-perkara berkaitan air dan persekitarannya dalam memastikan pembangunan ekonomi Negara yang mapan. / *To provide advisory services in matters related to water and its environment in line with national interests.*

Objektif Penubuhan / **Objectives of Establishment**

I. Menjadi pusat kecemerlangan unggul dan rujukan utama dalam bidang air dan persekitarannya; / *To be an excellent and main referral centre for water and its environment;*

II. Menjadi Pusat Fokal Kebangsaan bagi menyelaras aktiviti penyelidikan dalam bidang air dan persekitarannya; dan / *To be the National Focal Point to co-ordinate research activities in water and its environment; and*

III. Menjadi pusat khidmat pakar atau perunding dalam projek-projek pembangunan yang berkaitan dengan air dan persekitarannya. / *To be the expert or consultancy service centre in development projects related to water and its environment.*

Peranan Pusat Kajian, Bahagian dan Makmal / *Research Centre, Divisions and Laboratory Roles*

Pusat Kajian, Bahagian & Makmal / *Research Centre, Divisions & Laboratory*	Peranan / *Roles*
Pusat Kajian Pantai & Oseanografi / *Coastal Management & Oceanography Research Centre*	▪ Menjalankan penyelidikan dan pembangunan dalam pengurusan pantai / *To carry out research, development and coastal management* ▪ Membangunkan Data Marin Negara / *To develop National Marine Center* ▪ Mengadakan penyelidikan dalam bidang kejuruteraan pantai bersama universiti dan institusi penyelidikan tempatan; dan / *To have collaborative R&D with local universities and research institute on coastal engineering; and* ▪ Berperanan sebagai Pusat Fokal Kebangsaan dalam penyelidikan kejuruteraan pantai / *To be National Focal point for Research in Coastal Engineering*
Pusat Kajian Sumber Air & Perubahan Iklim / *Water Resources & Climate Change Research Centre*	▪ Menjalankan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang perubahan iklim dan sumber air / *To carry out research on climate change and water resources* ▪ Menjalankan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang penuaian sumber air hujan; dan / *To carry out research and development on rainwater harvesting; and* ▪ Menjalankan penyelidikan dan pembangunan meliputi model hidrologi dan membangunkan aspek pengoptimaan penggunaan sumber air / *To carry out research and development on hydrological modeling and optimization of water resources system*
Pusat Kajian Lembangan Sungai / *River Basin Research Centre*	▪ Memberi khidmat penyelidikan dan mengembangkan urusan dalam bidang hidraulik dan air permukaan secara khusus serta pemuliharaan alam sekitar sungai dan lembangan sungai secara amnya / *Provides research and development (R&D) services and to promote the business on hydraulic aspects especially in surface water and to restore river basin and its surrounding environment in general* ▪ Mewujudkan Pusat Kajian Sungai sebagai pakar rujuk kebangsaan bidang air permukaan / *To establish Research Center for River Management as the national expert on surface water* ▪ Meningkatkan pembangunan dan kepakaran sumber manusia dalam negara bagi memantapkan sektor perkhidmatan air; dan / *To improve on development and capacity building within the country to further enhance the expertise in water services sectors; and* ▪ Menjalankan penyelidikan, pembangunan dan pengurusan lembangan sungai berteraskan Pengurusan Sumber Air Bersepadu (IWRM) / *To carry out research, development and management of river basin in line with Integrated Water Resource Management (IWRM)*

Pusat Kajian Kualiti Air & Alam Sekitar / Water Quality & Environment Research Centre	▪ Menjalankan penyelidikan dan pembangunan teknologi rawatan air / *R&D in water treatment technology* ▪ Melaksanakan penyelidikan dan pembangunan kualiti air sungai dan tasik / *R&D on water quality for water bodies such as river and lakes* ▪ Membangunkan dan mengemaskini inventori air sungai dan tasik / *Maintain inventory and databases of various bodies such as National Lake Inventory* ▪ Menjalankan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang persekitaran air dan ekologi; dan / *R&D in aquatic ecosystem; and* ▪ Penyelenggaraan dan operasi makmal kualiti air / *Conduct Water quality analysis*
Pusat Kajian Hidrogeologi / *Hydrogeology Research Centre*	▪ Menjalankan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang pengurusan sumber air tanah; dan / *R&D on groundwater management; and* ▪ Menjalankan penyelidikan dan pembangunan mengenai penilaian persekitaran air tanah dan kesan malapetaka geologi (geohazard) akibat pengepaman berlebihan dan aliran air bawah tanah / *R&D and evaluation on geohazard related to over pumping of groundwater and groundwater flow*
Makmal Hidraulik & Instrumentasi / *Hydraulic & Instrumentation Laboratory*	▪ Menjalankan penyelidikan dan pembangunan asas serta gunaan melalui pemodelan fizikal dalam pelbagai bidang seperti empangan, sungai, pantai, dan samudera / *Basic and applied R&D through physical hydraulic modeling in various fields such as dams, rivers, coastal and offshore* ▪ Menawarkan perkhidmatan dan kemudahan makmal untuk pemodelan fizikal; dan / *Offers services and laboratory facilities for physical modeling, and* ▪ Mengurus, menyelaras dan menyelenggara peralatan dan instrumentasi makmal / *Manage, coordinate and maintain all laboratory instrumentation*
Makmal Kualiti Air / *Water Quality Laboratory*	▪ Mentadbir dan mengurus perjalanan operasi Makmal Kualiti Air mengikut tatacara pengurusan makmal berakreditasi yang diiktiraf, mengkoordinasi pelaksanaan sistem kualiti mengikut MS ISO/IEC 17025 dan mengikut garis panduan Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM) / *Administrate and manage the operation of Water Quality Laboratory in accordance with recognized accredited laboratory management, coordinating the implementation of the quality system in accordance with MS ISO / IEC 17025 and follow the guidelines of Laboratory Accreditation Scheme of Malaysia (SAMM)* ▪ Merancang, mengurus dan menambahbaik polisi, garis panduan dan penawaran perkhidmatan analitikal kualiti air di makmal / *To plan, manage and improve the policies, guidelines and water quality analytical services in the laboratory* ▪ Menyediakan pangkalan data bagi pemusatan, penyimpanan dan pembekalan data-data analisis kualiti air di makmal / *Manage a centralized database, to properly store and provide analytical data of water quality analysis produced in the laboratory*

	▪ Memberi khidmat sokongan analisa makmal kualiti air sebagai melengkapkan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang air dan persekitaran / *To provide support for water quality analysis as part of research and development in the field of water and environment* ▪ Menjalankan penyelidikan dalam bidang kualiti air dan persekitaran serta penghasilan produk berkaitan makmal / *To conduct research and product development related to water quality and environment*
Bahagian Pengurusan Maklumat / *Information Management Division*	▪ Merancang , mengurus dan memantau infrastruktur ICT supaya sentiasa tersedia dan memastikan pelaksanaan projek ICT selaras dengan keperluan Negara / *Plan, manage and monitor ICT infrastructure to ensure availability and implementation of ICT projects are in line with the nation's requirement* ▪ Memberi khidmat sokongan teknologi maklumat dalam mempercepatkan penyelidikan dan pembangunan berkaitan air dan persekitarannya; dan / *To provide IT support to accelerate R&D related to water and its environment; and* ▪ Menyelia, melaksana dan mengurus dasar dan garis panduan keselamatan ICT / *Supervise, implement and manage policies and guidelines on ICT Security*
Bahagian Perancangan Korporat / *Corporate Planning Division*	▪ Menyedia, melaksana dan memantau pelan pembangunan strategik NAHRIM / *Prepare, implement and monitor NAHRIM's strategic development plan* ▪ Mengurus dan melaksanakan strategi dan pelan pemasaran induk bagi produk, makmal dan perkhidmatan perundingan NAHRIM; dan / *To manage and implement strategy and marketing master plan for product, laboratory and NAHRIM consultation services; and* ▪ Menyelaras dan menyediakan anggaran belanjawan tahunan bagi projek-projek pembangunan NAHRIM / *Co-ordinate and provide annual budget estimation for NAHRIM's development projects*
Bahagian Khidmat Pengurusan / *Management Services Division*	▪ Mengurus operasi pentadbiran dan pengurusan pejabat NAHRIM / *Manage NAHRIM's administration and office management operation* ▪ Mengurus tugas-tugas kewangan dan akaun; dan / *Manage accounts and finances; and* ▪ Mengurus hal ehwal pengurusan penjawatan, latihan dan pembangunan sumber manusia NAHRIM / *Manage all administration, services, training and human resources development for NAHRIM*

PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (R&D)

PROJEK PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (R&D)

Peruntukan yang telah diluluskan bagi tahun 2016 untuk keseluruhan projek berjumlah RM15,443 600. Peruntukan yang telah dibelanjakan sehingga 31 Disember 2016 adalah sebanyak RM15,356 643.58 (99.88%) sahaja. Peruntukan tersebut telah dibelanjakan oleh pihak NAHRIM untuk tujuan 3 projek utama. Perincian adalah seperti berikut;

Projek	Nama Program/Projek	Jumlah Peruntukan (RM)	Jumlah Belanja
1.	Program Penyelidikan ke arah Sekuriti dan Kualiti Sumber Air & Kelestariannya.	RM11,873 600	RM11,824 723.43
2.	Program Kajian Lanjutan Impak Perubahan Iklim ke atas Sumber Air Malaysia (Fasa 2).	RM2,138 045.10	RM2,120 000
3.	Program Penyelidikan Produk Hidraulik bagi Industri Sumber Air.	RM1,450 000	RM1,393 875.05
4	Projek NAHRIM Hydro-Climate Analytics Accelerator (N-HyDaa) – Malaysia Climate Change Knowledge Portal		

Projek

Projek Biodigester Zoo Negara

Butiran Projek

Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) sebelum ini telah dilantik bagi menjalankan penyelidikan dan pemulihan kualiti air di Tasik Tunku Abdul Rahman, Zoo Negara. Pelbagai kaedah rawatan air telah diperkenalkan dan dijalankan antaranya kaedah *Cleansing Bio-topes*, Sistem Penapisan Air Hujan (SPAH), *Effective Microorganism Mudballs* (EM), *Nahrim Integrated Drainage System* (NIDS) dan yang terbaru ialah projek *Biogas Digester*. Makmal Hidraulik dan Instrumentasi (MHI) dengan kerjasama Makmal Kualiti Air (MKA) telah melakukan kajian lapangan Fasa I - III di Zoo Negara bersama kontraktor yang dilantik.

Rajah 1: Aktiviti persampelan di tapak Biodigester Zoo Negara.

Projek

Projek Biodigester NAHRIM

Butiran Projek

Susulan kejayaan projek perintis *Biodigester* di Zoo Negara, satu kajian *pilot* dijalankan di NAHRIM melibatkan pembinaan Projek Perintis *Biodigester* di NAHRIM ditapak STP dengan menggunakan najis manusia (*sewage*) sebagai *feedstock* bagi menghasilkan gas metana. Makmal Hidraulik dan Instrumentasi (MHI) dengan kerjasama Makmal Kualiti Air (MKA) telah melakukan kajian lapangan dengan menggunakan *sewage* dan jerami padi untuk melihat potensi kedua bahan ini aplikasi *biodigester*.

Rajah 1: Aktiviti pembancuhan jerami dan sisa haiwan untuk penghasilan *biodigester*.

Projek

Kajian pendedahan *'Endocrine Disrupting Chemicals* (EDCs)' dalam Sumber Bekalan Air ke arah pemantapan *Standard* Kualiti Air Minuman Negara dan penilaian risiko pendedahan bahan 'EDCs' terhadap kesihatan penduduk Malaysia di kawasan tadahan sungai terpilih

Butiran Projek

Objektif kajian adalah bertujuan untuk membangun dan mengesahkan kaedah analisis bahan EDCs terpilih bagi pengukuran kepekatan bahan seterusnya mengesan dan mengukur tahap kepekatan bahan EDCs terpilih dalam sumber bekalan air di beberapa kawasan tadahan sungai terpilih analisa melalui kaedah berikut; pengumpulan sampel air di lapangan, sampel di makmal bagi tujuan pengasingan *pure compound* dan pengesanan EDCs dan parameter berkaitan dalam sampel menggunakan peralatan spesifik, penganalisaan statistik terhadap data makmal dan lapangan.

Rajah 1: Kerja-kerja persampelan di lapangan.

Rajah 2: Kerja-kerja analisa sampel di makmal.

Projek

Kajian pelan pengurusan lembangan tasik bersepadu untuk Tasik Sembrong, Johor dan Batang Ai, Sarawak

Butiran Projek

Masalah kemerosotan kualiti dan kuantiti air di Tasik Sembrong, Johor dan Tasik Batang Ai, Sarawak merupakan antara sebab pemilihan kedua-dua buah tasik tersebut sebagai projek perintis dalam penyediaan Pelan Pengurusan Tasik Secara Bersepadu. Selain itu, kedua-dua buah tasik ini juga mempunyai ciri-ciri yang berbeza iaitu tasik yang cetek (Tasik Sembrong) dan tasik yang dalam (Tasik Batang Ai) yang memerlukan kefahaman dan pendekatan pengurusan ekosistem yang berlainan. Penyediaan pelan ini mengambil kira keseluruhan proses *"physical, biological and chemical"* serta perubahan iklim ke atas jasad sumber air yang terdapat di dalam kawasan tadahan tasik. Hasil daripada penyediaan pelan tersebut mengesyorkan kaedah pemulihan dan pembaikan kualiti serta kuantiti sumber tasik bagi kedua-dua buah tadahan tasik. Output daripada penyediaan pelan ini membolehkan pihak berkepentingan iaitu NRE selaku agensi penyelaras nasional dan JPS sebagai jabatan yang bertanggungjawab ke atas sumber air tasik dan empangan (Strategi I- MSAN 7) dalam pengurusan sumber air tasik yang lestari.

Pelan Pengurusan Tasik Secara Bersepadu melibatkan tujuh disiplin kepakaran merangkumi bidang governan, eko-hidrologi, biodiversiti, teknologi lestari, perkhidmatan ekosistem dan sosio-ekonomi, kualiti air dan limnologi fizikal serta permodelan hidraulik. Penyediaan pelan ini adalah hasil usaha bersama NAHRIM dan pakar dari universiti tempatan dan syarikat seperti UTM, UKM, UPM, USM, UMT dan UNIMAS.

Rajah 1: Cerapan data batimetri menggunakan peralatan Eco-sounder di Tasik Sembrong.

Rajah 2: Peralatan Secchi Disk digunakan untuk mengukur tahap tahap ketelusan cahaya di dalam air Tasik Sembrong.

Rajah 3: Cerapan data in-situ kualiti air Tasik Sembrong menggunakan peralatan YSI Multiparameter.

Rajah 4: Pengukuran data batimetri di Tasik Batang Ai, Sarawak.



Rajah 5: Integrated Lake Basin Management Plan (ILBMP): Sembrong Lake, Johore Vol 1 & Vol 2.

Rajah 6: Integrated Lake Basin Management Plan (ILBMP): Batang Ai Lake, Sarawak Vol 1 & Vol 2.

Rajah 7: Masalah eutrofikas di Tasik Sembrong, Johor.

Rajah 8: Batang Ai, Sarawak.

Projek

Penyelidikan pelan pengurusan dan pembangunan kawasan lembangan sungai terpilih ke arah sekuriti dan kualiti sumber air serta kelestariannya

Butiran Projek

Penyelidikan pelan pengurusan dan pembangunan kawasan lembangan sungai terpilih ke arah sekuriti dan kualiti sumber air serta kelestariannya merupakan sub program di bawah Program Penyelidikan Pengurusan Kualiti Air, Sekuriti dan Kelestarian dalam RMK-11. Penyelidikan pelan pengurusan dan pembangunan kawasan lembangan sungai terpilih ke arah sekuriti dan kualiti sumber air serta kelestariannya ini merangkumi pelbagai skop termasuklah pembangunan model hidrodinamik (sungai dan saliran bandar), model kualiti air, model angkutan endapan dan estuari sungai termasuk penghasilan pelan pengurusan dan pembangunan untuk 13 lembangan sungai yang dikenalpasti. Matlamat penyelidikan ini adalah bagi mewujudkan persekitaran lembangan sungai dan sumber air yang mencukupi dan selamat untuk keseimbangan kualiti hidup rakyat dan pembangunan negara serta kelestarian ekosistem semulajadi.

Objektif penyelidikan:

a) Menangani isu berkaitan sumber air secara menyeluruh dan bersepadu bagi kelestarian sumber air dan persekitarannya;
b) Memastikan ciri-ciri fizikal semulajadi sungai dan alam sekitar kekal terpelihara melalui pendekatan mencegah berbanding dengan merawat yang melibatkan perbelanjaan yang tinggi dan;
c) Membantu pihak berkaitan dalam pengurusan sumber air yang lebih cekap dan professional.

Sepanjang tahun 2016, pengumpulan data telah dijalankan di 2 lembangan sungai yang dikenalpasti iaitu tadahan Sungai Segamat di lembangan Sungai Muar, Johor dan lembangan Sungai Santubong, Sarawak. Pengumpulan data tersebut merangkumi data hidraulik dan hidrologi, data kualiti air dan inventori pencemaran serta data estuari dan ekosistem. Rajah di bawah menunjukkan kerja-kerja pengumpulan data yang dijalankan di lapangan bagi kedua-dua tadahan.

Rajah 1: Pengumpulan data di tapak.

Rajah 2: Lokasi Kajian - Lembangan Sungai Santubong.

Rajah 3: Persampelan Hidupan Sungai.

Rajah 4: Pengukuran Kualiti Air In-Situ.

Rajah 5: Tinjauan tapak penyelidikan oleh Pengarah PKLS.

Projek

Penyelidikan pembangunan produk inovasi *'NAHRIM Oil and Food Waste Trap'* (NoFAT)

Butiran Projek

a) Objektif penyelidikan:
Membangunkan produk inovasi perangkap minyak dan sisa makanan yang lebih cekap, efisien, mesra pengguna, mudah diselenggara dan kos yang rendah bagi memerangkap sisa minyak dan makanan daripada sinki basuhan sebelum dilepaskan ke sungai.

b) Lokasi pengujian:
Kantin di Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 11(1) dan Gerai Kari Kepala Ikan di Medan Selera Ringlet, Cameron Highlands.

c) Output/ Outcome:

- Produk inovasi perangkap minyak dan sisa makanan telah direkabentuk, dibangunkan dan diuji.
- Pemasangan dan pengujian 2 unit NoFAT di kantin SK Putrajaya Presint 11 (1) dan 1 unit NoFAT di Gerai Kari Kepala Ikan Sahak yang terletak di Medan Selera Ringlet, Cameron Highlands.
- 1 Laporan projek dan 2 dokumen 'standard operating procedure' telah dihasilkan.
- Permohonan 'Industrial Registration' untuk NoFAT

Rajah 1: Keadaan waktu rehat di kantin Sek. Keb. Putrajaya Presint 11(1).

Rajah 2: Keadaan sinki ketika kerja basuhan.

Rajah 3: Penyambungan paip dan pemasangan NOFAT

Rajah 4: NOFaT yang telah siap dipasang.

Rajah 5: Sampel air dari outlet NOFaT.

Rajah 6: Sampel minyak yang dikumpulkan.

Projek

Perkhidmatan menyediakan model 'Artificial Intelligence – Som & R-Narx' ramalan banjir

Butiran Projek

Lembangan Sungai Kemaman adalah salah satu kawasan serantau yang kerap mengalami banjir yang agak teruk di Malaysia. Hampir setiap tahun, banjir telah menenggelamkan kawasan rendah di sekitar lembangan Sungai Kemaman menyebabkan masalah yang serius dan menyebabkan kerosakan yang besar serta kemalangan jiwa dan kehilangan harta benda. Ramalan banjir dapat menyediakan amaran awal dengan masa yang mencukupi bagi membantu penduduk setempat dengan langkah-langkah yang berjaga-jaga untuk bersedia menghadapi banjir. NAHRIM telah bekerjasama dengan Tamkang University Taiwan (TKU) dan National Taiwan University (NTU) bagi menyediakan ramalan banjir menggunakan kaedah *real-time multi-step-ahead forecasting* bagi peta inundasi banjir semasa musim hujan / monsun bagi menghasilkan sistem ramalan awal di kawasan yang sering ditenggelami air di dalam lembangan Sungai Kemaman. Kawasan kajian merangkumi kawasan kira-kira 100 km^2. Objektif kajian adalah untuk menghasilkan model simulasi 2-D flood routing di bawah senario hidrologi dan kejadian banjir ekstrem yang telah berlaku bagi memahami ciri-ciri spatial – temporal inundasi kawasan kajian; menghasilkan model berasaskan hybrid ANN bagi menghasilkan peta inundasi real time banjir serantau semasa kejadian hujan lebat; dan menghasilkan sistem amaran awal dalam kawasan yang terdedah kepada banjir di lembangan Sungai Kemaman.



Rajah 1: Kawasan Projek dan Lembangan Sungai Kemaman.



Rajah 2: Sistem Amaran Awal Banjir *(Architecture)*.



Rajah 3: Ramalan, Simulasi dan Kesalahan *(Forecasted, simulated and error)* Kedalaman Inundasi Bagi Kejadian Banjir Yang Lepas.



Rajah 4: Metodologi Model Hibrid ANN (SOM-R-NARX) Bagi Ramalan Serantau Hujan – Inundasi Banjir *(Regional Rainfall-Flood Inundation Forecasting)*.



Rajah 5: Contoh Fasa Latihan Bagi 3 Jam Hujan (Simulasi Dan Ramalan) Serta Purata Kedalaman Inundasi *Average Inundation Depths (Aids)* Bagi Kejadian Banjir Yang Lepas (2001).



Rajah 6: Contoh Laman Sesawang Sistem Amaran Inundasi Banjir.

Rajah 7: Sesi perbincangan bagi Sistem Ramalan Banjir AI di Tamkang University, Taiwan.

Projek

Impak perubahan iklim terhadap sumber air di Semenanjung Malaysia

Butiran Projek

Kesan perubahan iklim ke atas sumber air di Semenanjung Malaysia dinilai melalui perubahan dari segi suhu udara, hujan, potensi evapotranspirasi, aliran sungai dan penyimpanan air bawah tanah. 15 senario unjuran perubahan iklim oleh 3 Model Iklim Global (GCMs) iaitu ECHM5, CCSM3 dan MRI-CGCM2.3.2 di bawah empat senario pelepasan gas rumah hijau yang berbeza (A1Fi, A2, A1B , B1) diskalakan secara dinamik oleh *Regional Hydroclimate Model of Peninsular Malaysia* (RegHCM-PM) untuk menilai impak perubahan iklim di 13 lembangan sungai (Kelang, Selangor, Perak, Muda, Kelantan, Dungun, Pahang, Muar, Batu Pahat, Johor , Linggi, Kuantan dan Kemaman) dan 12 kawasan pantai.

Purata tahunan suhu udara bagi 13 lembangan sungai menunjukkan trend peningkatan linear sehingga akhir abad ke-21 dengan julat 2.5°C - 2.95°C (2010 – 2100) iaitu mencecah sehingga maksimum 11%. Unjuran purata tahunan potensi evapotranspirasi pula dijangka meningkat secara berperingkat sepanjang abad ke-21 di semua kawasan lembangan sungai dengan perubahan yang lebih tinggi di kawasan pantai barat berbanding pantai timur. Unjuran kadar aliran tinggi bagi 9 lembangan sungai (Muda, Perak, Selangor, Klang, Kelantan, Dungun, Pahang, Muar,Batu Pahat) mencatatkan peningkatan sehingga 215% pada akhir abad ke-21 manakala analisis aliran rendah menunjukkan tempoh kering yang kritikal dan berkemungkinan akan menjurus kepada masalah gangguan bekalan air.

Rajah 1: 13 lembangan sungai dan 11 kawasan pantai.

Analisis ketersediaan air (*water yield*) dan Indeks Tekanan Air (*Water Stress Index (WSI)*) dijalankan melibatkan 80 daerah di Semenanjung Malaysia. Unjuran ketersediaan air pada tahun 2030 bagi purata 14 senario, A1B dan A2 menunjukkan peningkatan antara 2 BCM – 8 BCM berbanding tahun 1970-2000, manakala senario B1 mencatatkan penurunan sebanyak 3 BCM. Bagi tahun 2050, kadar peningkatan adalah sebanyak 8 BCM – 17 BCM. Secara keseluruhannya, kadar ketersediaan air menunjukkan trend peningkatan di semua daerah kecuali beberapa daerah di Kedah dan Johor. WSI diadaptasi daripada model Stephen Pfister untuk menunjukkan kadar tekanan air pada kawasan-kawasan tertentu berdasarkan ratio jumlah permintaan air dan ketersediaan air. WSI dikategorikan kepada 5 iaitu rendah (< 0.1); sederhana rendah (0.1 - 0.2); sederhana (0.2 - 0.5); tinggi (0.5 – 0.8) dan sangat tinggi (> 0.8). Secara keseluruhannya, WSI adalah tinggi dan sangat tinggi di Pantai Barat terutamanya di kawasan bandar yang berpopulasi tinggi, dan juga kawasan skim pengairan.

Impak perubahan iklim merupakan isu yang serius dan memberi kesan yang besar kepada rakyat Malaysia berikutan kejadian seperti banjir, kemarau dan ribut pada skala yang besar. Mengintegrasikan kesan perubahan iklim ke dalam pengurusan risiko dan aktiviti perancangan strategik lain dalam organisasi sektor awam dan swasta adalah penting untuk menyesuaikan kesan perubahan iklim dalam sektor air dan berkaitan.



Rajah 2: Perbandingan antara ketersediaan air pada tahun 2030 bagi 4 senario perubahan iklim.



Rajah 3: Water Stress Index (WSI) pada tahun 2030.



Rajah 4: Perbandingan WSI bagi scenario A1B pada tahun 2030 dan 2050.

Projek

Flagship Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIn) Project on sustainable water consumption through water footprinting and water risk management

Butiran Projek

Projek kolaborasi ini secara rasminya bermula apabila NAHRIM menghantar Surat Persetujuan Bersama pada 18 Januari 2016 sebagai maklum balas kepada surat tawaran pihak SIRIM yang diterima pada 5 Januari 2016. NAHRIM telah dilantik sebagai rakan kolaborasi di bawah Sub Projek 4 – Pembangunan 'Decision Support System, DSS' untuk Pengurusan Risiko Air. Objektif kajian ialah untuk membangunkan DSS berdasarkan *'Water Stress Index, WSI'* bagi skala daerah/grid yang dianalisis daripada unjuran air dalam konteks impak perubahan iklim ke atas sumber air, keberhasilan dan permintaan / penggunaan air terhadap pengurusan risiko air. Analisis sumber air yang dijalankan dalam pelaksanaan kajian ini adalah meliputi *Water Stress Index (WSI), Water Yield, Water Demand dan Water Surplus Deficit.*

Pengiraan analisis sumber air dijalankan pada 2 keadaan iaitu pada *'historical'* menggunakan data hidrologi / sumber air (1970-2000) dan masa depan (2015, 2020, 2030, 2040, 2050) yang menggunakan data unjuran perubahan iklim bagi empat senario perubahan iklim (B1, A1B, A2 dan A1FI). Hasil analisis yang telah dijalankan akan digunakan untuk membangunkan DSS bagi Pengurusan Risiko Sumber Air. Pembangunan DSS akan siap sepenuhnya pada akhir tahun 2017.



Rajah 1: Analisis *Water Stress Index* (2015 dan 2050).



Rajah 2: *Analisis Water Yield* / Keberhasilan Air (Historical dan 2050).



Rajah 3: *Water Demand* (2015 dan 2050).

Projek

Keberkesanan WABCORE sebagai struktur pelindung pantai serta penggalak pertumbuhan karang dan pembiakan hidupan marin di Pulau Tinggi, Johor (Fasa 3) - Tahun 2016

Butiran Projek

Pemasangan struktur *Wave Breaker And Coral Restorer* (WABCORE) 2016 melibatkan pemasangan sebanyak 200 unit WABCORE yang disusun secara bertingkat dengan ketinggian 2 meter dan panjang 20 meter. Pemasangan ini merupakan fasa ke 3 sejak ianya mula dipasang pada 2014 dan menjadikan panjang keseluruhan struktur yang telah dipasang mencecah 40 meter. Hasil pemantauan NAHRIM pada Oktober 2016, didapati pelbagai hidupan marin terutama ikan telah mula kelihatan dan menjadikan WABCORE habitat baru mereka untuk pembiakan dan perlindungan. Spesis karang juga telah mula bercambah di bahagian tertentu permukaan luar dan dalam struktur WABCORE.

Rajah 1: *Barge & crane* diguna untuk mengangkut dan memasang WABCORE.

Rajah 2: Struktur WABCORE sedang diturunkan ke dasar laut.

Rajah 3: Antara spesis ikan yang kelihatan.



Rajah 4: Spesis karang yang mula tumbuh di WABCORE.

Projek

Kajian kepelbagaian pembangunan produk inovasi dalam meningkatkan kualiti air dan persekitarannya *'Activated Carbon'*

Butiran Projek

Kajian melibatkan penghasilan *activated carbon* daripada *biomass* melalui proses *carbonization* dan *activation* (*chemical* dan *physical*). Objektif kajian adalah menyediakan satu *standard operating procedure* bagi pembangunan produk kimia yang mengandungi panduan penghasilan, fungsi dan karakter bahan ujikaji yang dikenalpasti dapat meningkatkan kualiti air sebagai rujukan; Menawarkan produk mesra alam yang boleh meningkatkan kualiti air dan merawat bahan pencemar; Menangani masalah kesan sampingan bahan pencemar dalam air yang berlebihan kepada alam sekitar dan ekosistem

Rajah

Keputusan Analisis Makmal

Rajah 1: *Moringa Oleifera seed Pod - Raw Material*.

Rajah 2: Hasil akhir - *Activated Carbon*.

Rajah 3: Proses *carbonization* menggunakan *furnace*.

Projek

Kajian kepelbagaian pembangunan produk inovasi dalam meningkatkan kualiti air dan persekitarannya – *Nanofiltration Membrane*

Butiran Projek

Kajian bertujuan menghasilkan formulasi *modified nanofiltration membrane* yang berupaya meningkatkan kualiti air persekitaran. Beberapa kaedah analisis makmal dilaksanakan iaitu dari penghasilan formulasi *membrane*, *membrane casting*, ujikaji *performance* dan properties serta *characterization* melalui pengujian *scanning electron microscope* (SEM), *fourier transform infrared* (FTIR) seterusnya diikuti dengan kajian lapangan. Projek ini akan berupaya menawarkan produk mesra alam yang boleh meningkatkan kualiti air dan merawat bahan pencemar; serta menangani masalah kesan sampingan bahan pencemar dalam air yang berlebihan kepada alam sekitar dan ekosistem.

Rajah

Keputusan Analisis Makmal

Rajah 1: Penyediaan *Nanofiltration Membran* di makmal (*membrane casting*).



Rajah 2: Analisis *Characterization* dan *Optimization: Effect of Polyethersulfone on membranes morphological structure using Scanning electron microscope (SEM)*.

Projek

Kajian kepelbagaian pembangunan produk inovasi dalam meningkatkan kualiti air dan persekitarannya – Nanopartikel

Butiran Projek

Kajian penghasilan nanopartikel sebagai langkah alternatif bagi meningkatkan kualiti air dan merawat bahan pencemar dilakukan. Objektif kajian ini adalah penghasilan nanopartikel pada *parameter optimum* melalui teknik sol gel. Pencirian ke atas nanopartikel dijalankan melalui analisis *Transmission electron microscopy* (TEM), *scanning electron microscopy with energy x-ray spectroscopy* (SEM-EDX) and *fourier transform infrafed* (FTIR) diikuti rawatan ke atas air tercemar. Produk berteknologi maju ini dapat digunakan dalam menangani masalah kesan sampingan bahan pencemar dalam air yang berlebihan kepada alam sekitar dan ekosistem

Rajah

Keputusan analisis makmal

Rajah 1: Percampuran bahan pemula melalui langkah sol-gel

Rajah 2: Pengeringan dan penuaan campuran

Rajah 3: Hasil akhir nanopartikel

Projek

Penyelidikan Pembangunan Produk Inovasi *Modular NAHRIM Hydraulic Channel Stabiliser (NHCS-NUCLeus), Smart Drainage Trap (SMADRAT), Modular Floating Rubbish Trapper (MFRT) Dan NAHRIM Hydraulic Channel Stabiliser Vertical Connector*

Butiran Projek

a) Objektif:

- Membangunkan produk inovasi *Modular NAHRIM Hidraulik Chanel Stabilizer* (NHCS-NUCLeuS);
- Membangunkan produk inovasi *Smart Drainage Trap* (SMADRAT);
- Membangunkan produk inovasi Perangkap Sampah Terapung (*Modular Floating Rubbish Trapper*, MFRT) menggunakan modul NHCS-NUCLeuS dan;
- Membangunkan dan merekabentuk produk inovasi Penyambung Tegak (Vertical Connector) modul NHC – NUCLeuS.

b) Output/ Outcome:

- 2 produk inovasi hidraulik untuk mengawal pencemaran sumber air dan 1 produk inovasi untuk menangani masalah runtuhan tebing telah dihasilkan.

- Produk inovasi NIDS yang terdiri daripada modul-modul NHCS-NUCLeuS telah memenangi Anugerah Inovasi Negara AIN 2016.
- Laporan akhir projek penyelidikan telah dihasilkan.
- Produk inovasi NHCS-NUCLeuS telah dipilih antara finalis untuk Anugerah Produk/Perkhidmatan Terbaik Tahun Pengkomersialan Malaysia yang berlangsung di Kuala Lumpur Convention Center, Kuala Lumpur.

Rajah 1: Pemantauan kerja-kerja di kilang pembekal.

Rajah 2: *Modular Floating Rubbish Trapper* (MFRT).

Rajah 3: *Smart Drainage Trap* (SMADRAT).

Rajah 4: NAHRIM *Hydraulic Channel Stabiliser* (NHCS).

Tajuk

Penyelidikan pembangunan dan mengujijalan Prototaip produk inovasi *NAHRIM Community Floatable Flood Relief Centre*

Butiran Projek

a) Objektif:

- Membekal tenaga kerja dan menyediakan bahan-bahan binaan yang diperlukan untuk pembinaan 1 prototaip Modular *'NAHRIM Community Flood Relief Centre'* Modular yang berfungsi untuk perlindungan semasa banjir di Malaysia dan terdiri daripada beberapa komponen seperti *Inflator*, Lantai *Floor Deck*, struktur besi, kanvas *tent* atau yang setaraf, pintu, tingkap, ruangan dapur, tandas, mekanikal & eletrik dan logo.

- Mengujijalan dan memasangkan 1 unit prototaip untuk memastikan struktur dalam keadaan stabil setelah mendapat persetujuan dan pengesahan daripada pihak berkuasa. Pengujian yang terlibat termasuklah:
  i. Pengujian kebolehapungan prototaip;
  ii. Pengujian kestabilan dengan arus sekata *Regular Wave* dan arus tidak sekata *Irregular Wave* dan;
  iii. Laporan dan video untuk simulasi keputusan pengujian.

b) Output/ Outcome:

- Prototaip Modular *'NAHRIM Community Flood Relief Centre'* Modular yang bersaiz 8' (Lebar) x 20' (Panjang) dan 8' (Purata tinggi).
- Laporan Pengujijalan dan Pemasangan Produk.
- Pertandingan produk di Malaysia Technology Expo (MTE 2016) pada 18-20 Februari 2016 – Pingat Gangsa.

Rajah 1: Pembekalan ke NAHRIM.

Rajah 2: Kerja-kerja pemasangan produk di Tasik NAHRIM.

Rajah 3: Kerja-kerja pengujijalan di tapak.

Rajah 4: Kemudahan-kemudahan yang telah disediakan.

Projek

Pemasangan penanda sempadan warta awam Tasik Chini

Butiran Projek

a) Objektif penyelidikan:

- Sempadan awam Tasik Chini ditanda sepenuhnya bagi tujuan penandaan dan mengelakkan aktiviti pencerobohan.
- Meningkatkan kecekapan agensi-agensi pelaksana dan pihak berkepentingan dalam menjalankan tugas masing-masing melalui penentuan sempadan warta awam Tasik Chini yang tepat.

b) Output/ Outcome:

- Pembekalan 200 unit NAHRIM *Hydraulic Marker* (NhM) untuk Tasik Chini.
- Pemasangan penanda hidraulik di sepanjang sempadan warta awam Tasik Chini.

Rajah 1: Kerja-kerja mengangkut menggunakan bulldozer.

Rajah 2: Kerja-kerja mengangkut menggunakan lori.



Rajah 3: Layout pemasangan fasa 2.

Rajah 4: Pemasangan *reinforcement* jenis BRC.

Rajah 5: Kerja-kerja pemasangan NAHRIM *Hydraulic Marker* (NhM).

Rajah 6: Lawatan Ketua Pengarah NAHRIM ke Tasik Chini.

Projek

Perkhidmatan penghasilan peta inundasi banjir unjuran perubahan iklim beresolusi tinggi di lembangan sungai terpilih Semenanjung Malaysia

Butiran Projek

Objektif kajian ini adalah untuk menghasilkan peta inundasi bagi membantu kerja ramalan banjir berdasarkan kepada lembangan sungai terpilih dengan impak perubahan iklim di Semenanjung Malaysia. Terdapat 12 lembangan sungai telah di pilih bagi penghasilan peta-peta banjir seperti yang telah disenaraikan di bawah:

Bil.	Lembangan sungai	Luas tadahan (km^2)
1	Batu Pahat	2,233
2	Johor	2,252
3	Kedah/Muda	4,114
4	Kelang	1,278
5	Kelantan	12,803
6	Muar	6,033
7	Pahang	28,549
8	Perak	14,802
9	Selangor	2,086
10	Dungun/Terengganu	1,500
11	Kemaman	2,000
12	Kuantan	1,500

Hasil daripada pemodelan banjir yang dijalankan adalah kawasan serakan dan kedalaman banjir *(flood extent and flood depth)* bagi setiap 12 lembangan sungai bagi tempoh ulangan (return period) 20, 100 dan 500 tahun untuk 3 julat masa *(time horizon)* 2010-2039, 2040-2069, 2070-2099. Keputusan daripada pemodelan ini adalah data kawasan serakan dan kedalaman banjir (flood extent and flood depth) dalam *raster-based and vector-based* bagi setiap tempoh ulangan, senario dan julat masa.

Pemodelan banjir ini dijalankan dengan menggunakan pemodelan hidraulik 1-D dengan menggunakan input data hujan *(rainfall)* dan kadar alir *(flowrate)* daripada 90 tahun (2010-2099) yang telah disimulasi untuk 4 realisasi *(realisation)* dengan menggunakan 3 Global Climate Models (GCMs) yang berlainan iaitu senario ECHAM5, MRI, and CCSM3 for A1B, A2, and B1. Data hujan telah diturunkan skala *(downscaled)* daripada GCM kepada tahap serantau *(regional)* dengan menggunakan model Regional Hydro Climate. Data hujan telah digunakan sebagai input dalam WEHY untuk simulasi bagi penghasilan data kadar alir *(flow rate)* yang digunakan dalam pemodelan hidraulik 1-D.

Rajah 1: 12 Lembangan Sungai Terpilih.



Rajah 2: Pemodelan Hidraulik 1D serta Profil Keratan Rentas bagi Anak Sungai Serta Sungai Utama.



Rajah 3: Carta Alir Kerja Pemodelan.



Rajah 4: Pemodelan Hidraulik 1D sungai



Rajah 5: Keputusan Pemodelan Banjir Bagi 100 Tahun Tempoh Ulangan, Julat Masa 2010 – 2039 Bagi 12 Lembangan Sungai.



Rajah 6: Pemodelan Banjir Bagi Sg Kelantan Bagi Tempoh Ulangan 100 Tahun, Julat Masa 2010 - 2039.

Projek

NAHRIM Hydro-Climate Analytics Accelerator (N-HyDAA) – Malaysia Climate Change Knowledge Portal

Butiran Projek

Konsep *data-driven* dan *Big Data Analytics (BDA)* dalam konteks perubahan iklim telah diaplikasikan melalui pembangunan sistem N-HyDAA yang bertujuan sebagai platform perkongsian dan penyebaran data dan maklumat penyelidikan saintifik dan kejuruteraan bagi senario perubahan iklim.

N-HyDAA membantu NAHRIM dan stakeholder menyediakan dan menterjemah data saintifik hidroiklim dalam bentuk paparan kejuruteraan pelbagai format seperti peta dan rajah bagi meningkatkan kefahaman pengguna. Visualisasi maklumat dashboard melalui lapan (8) modul utama yang dibangunkan iaitu i) *Rainfall & Run-off* ii) *Drought* iii) *Drought & Temperature* iv) *Stream Flow* v) *Storm Centre* vi) *Climate Change Factor* vii) *Water Stress Index (WSI)* dan viii) *Water Stress Index (WSI) Simulation* yang boleh menyediakan analisis data dengan pantas berbanding dengan kaedah konvensional yang dilakukan oleh NAHRIM.

Sistem N-HyDaa dibangunkan bagi membantu Kerajaan & Stakeholder (NADMA, NRE, JPS, and JKR) menangani impak perubahan iklim kepada sumber air, bekalan air dan bencana berkaitan air di Malaysia seperti banjir, banjir kilat, kemarau dan El Nino. Keupayaan N-HyDAA mengesan pola, magnitud, tempoh dan *storm-centre* yang hampir menyamai kejadian banjir besar di Malaysia membantu dalam pengurusan risiko Bencana Negara serta memperkukuhkan langkah-langkah Pengurangan Risiko Bencana bagi mencegah atau mengurangkan impak bencana air di Malaysia akibat impak perubahan iklim. N-HyDAA juga digunakan dalam menjalankan impak analisis bagi mengenalpasti tahap kerentanan (*vulnerability*) dan langkah adaptasi dalam konteks perubahan iklim ke atas sumber air di Malaysia.

Rajah 1: N-HyDAA

Rajah 2: *Rainfall & Runoff.*



Rajah 3: *Drought & Temperature.*



Rajah 4: *Water Stress Index (WSI).*

PERUNDINGAN NAHRIM

PROJEK PERUNDINGAN NAHRIM

Bil.	Tajuk Perundingan	Kos Perundingan (RM)	Pihak yang Terlibat
1.	Physical Modelling of Flood Divertion Channel for Sungai Bunus – Flood Mitigation Project for Sungai Bunus, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	450,000	Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS)
2.	Kajian bagi cadangan Skim Mini Hydro di Sungai Brooke, Lojing, Gua Musang, Kelantan Darul Naim	93,000.00	Amcorp Power Sdn Bhd
3.	Kajian penjejasan dan pengubahsuaian iklim (Vulnerability and Adaptation) di bawah projek *Third National Communications and Biennial Update Reporting for Malaysia*	USD 90,000	Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) dan United Nation Development Programme (UNDP)
4.	Penyelidikan masalah kerukan di Kuching Baraj, Sarawak	1,699 790.00	Kuching Barrage Management Sdn Bhd
5.	Pelan pengurusan dan pembangunan kawasan tadahan Sungai Bertam, Cameron Highland	4,879 074.00	TNB Research Sdn Bhd
6.	Kajian ke atas masalah hakisan tebing dan pengendapan pasir di muka sauk fasa 1 dan 2 LRA Kg. Lawa Gadong, Sg Padas, Beaufort, Sabah	1,200,830.00	Jabatan Bekalan Air
7.	Kajian hidraulik bagi menentukan impak air kumbahan di Pantai Batu Feringgi, Pulau Pinang	70,000	Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS)
8.	Kajian sustainability of tourism activities for Kilim Geoforest Park	160,000	Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
9.	Drilling and construction of groundwater tube well at Desaru Coast, Bandar Penawar, Kota Tinggi, Johor	50,000	Themed Attractions Resorts & Hotels Sdn. Bhd

Rajah 1: Penggerudiaan Telaga Air Tanah di Bandar Penawar, Kota Tinggi, Johor.

PROJEK PERUNDINGAN

Tajuk

Physical modelling of flood divertion channel for Sungai Bunus – flood mitigation project for Sungai Bunus, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Jabatan Pengairan Dan Saliran Malaysia (JPS) sedang melaksanakan rancangan tebatan banjir Sg. Bunus bagi menangani isu-isu banjir kilat yang sering berlaku sejak 2011 di sekitar Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur. Di dalam rancangan tebatan banjir ini pembinaan lencongan sungai yang mengandungi komponen *stiliing basin* dan *pump sump* telah dicadangkan. Oleh itu, bagi menguji keberkesanan kedua-dua struktur ini, NAHRIM telah dilantik untuk menjalankan kajian permodelan fizikal bagi memastikan reka bentuk yang dicadangkan tidak akan menyebabkan banjir di hulu Sungai Bunus dan limpahan di Jalan Tun Razak. Pihak NAHRIM juga diminta untuk mencadangkan sebarang penambahbaikan jika perlu hasil daripada uji kaji yang dijalankan.

Rajah 1: Stuktur Sungai Bunus yang sedang diuji.

Rajah 2: Stiling Basin berserta *bridge pier* di dalam ujian arus air.

Rajah 3: Ujian kehadiran vortex di dalam pump sump.

Rajah 4: Struktur Model *Pump Sump* yang dibina di makmal.

Tajuk

Kajian bagi cadangan Skim Mini Hydro di Sungai Brooke, Lojing, Gua Musang, Kelantan Darul Naim

Tetuan Amcorp Power Sdn Bhd bercadang memohon kelulusan Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan (UPENK) untuk membina mini hidro di Sungai Brooke, Lojing, Gua Musang dengan pembinaan Lima (5) alur limpah. NAHRIM telah dilantik untuk menjalankan pengiraan, analisis dan rekabentuk hidrologi di tiga (3) alur limpah di mana dua (2) alur limpah terletak di Sungai Brooke dan satu (1) alur limpah di Sungai Rengil. Objektif kajian hidrologi ini adalah untuk mengira dan menganalisa potensi sumber air dengan menggunakan pelbagai kaedah analisis hidrologi yang bersesuaian. Skop kerja kajian adalah termasuk dalam menyediakan maklumat asas (baseline information) terhadap ciri-ciri hujan dan larian hujan (rainfall-runoff) bagi kawasan kajian, penghasilan Flow Duration Curve (FDC) bagi Sungai Brooke serta pembangunan Intensity Duration Frequency (IDF) Curve bagi stesen hujan yang telah dipilih pada kawasan kajian. Kajian ini juga melibatkan penilaian banjir pada tapak cadangan pembinaan turbin janakuasa elektrik (powerhouse).



Rajah 1: Pelan bagi Skim Sungai Brooke



Rajah 2: Hujan tahunan untuk Stesen JPS 4614001 Brook dan 4614004 Lojing. Lajur (column) dengan *diagonal hatch* menandakan tahun dengan data tidak lengkap



Rajah 3: Keluk IDF semasa untuk Stesen JPS 4614001 Brook.



Rajah 4: Specific Discharge Flow Duration Curves untuk ketiga-tiga weir



Rajah 5: Perbandingan Keluk Historical dan Future Flow Duration untuk ketiga-tiga weir



Rajah 6: Gambarajah Skematik HEC-HMS untuk Sungai Brooke.



Rajah 7: Keputusan HEC-HMS untuk Future 100yr ARI – Temporal Pattern 12h.

Tajuk

Kajian penjejasan dan pengubahsuaian iklim (Vulnerability and Adaptation) di bawah Projek *Third National Communications and Biennial Update Reporting for Malaysia*



MINISTRY OF NATURAL RESOURCES AND ENVIRONMENT MALAYSIA (NRE)

VULNERABILITY AND ADAPTATION TO CLIMATE CHANGE IN MALAYSIA UNDER THE THIRD NATIONAL COMMUNICATION (TNC)

PROGRESS REPORT II

JULY 2016

National Hydraulic Research Institute of Malaysia (NAHRIM)
Water Resources and Climate Change Research Centre,
Lot 5377, Jalan Putra Permai,
43300 Seri Kembangan,
Selangor, Malaysia

Rajah 1: Salinan muka hadapan Laporan Kemajuan Kedua yang telah dikemukakan kepada pihak Project Management Group TNC

Malaysia sedang menyediakan *Third National Communication* (TNC) *and Biennial Update Report* (BUR) kepada United Nations Framework Convention on Climate Change di bawah projek UNDP/ GEF "Third National Communication to the UNFCCC and Biennial Update Reporting for Malaysia". NAHRIM merupakan pengerusi bagi Kumpulan Kerja Teknikal Penjejasan dan Pengubahsuaian (Technical Working Group on Vulnerability and Adaptation, TWG V&A), iaitu salah satu TWG di bawah pasukan projek TNC/BUR. Kumpulan kerja ini dianggotai oleh lima (5) sub-kumpulan kerja iaitu (i) Sumber Air dan Pantai, (ii) Pertanian, Perhutanan dan Biodiversiti (iii) Infrastruktur, (iv) Tenaga, dan (v) Kesihatan Awam. Selain itu, NAHRIM turut berperanan sebagai *Climate Change Support Group* untuk membantu Sub-kumpulan Kerja dalam penggunaan dan analisis maklumat unjuran kesan perubahan iklim dan peningkatan aras laut.

Rajah 2: Sesi perbincangan dengan Sub-kumpulan Kerja Kesihatan Awam

Rajah 3: Pembentangan dan perbincangan berkumpulan mengenai unjuran kesan perubahan iklim dan peningkatan aras laut di Malaysia kepada Sub-kumpulan Kerja Infrastruktur

Tajuk

Penyelidikan Masalah Kerukan di Kuching Baraj, Sarawak

Pusat Kajian Lembangan Sungai (PKLS) telah menjalankan projek perundingan Penyelidikan Masalah Kerukan di Kuching Baraj, Sarawak untuk Sarawak Rivers Board selama tempoh 12 bulan setengah. Projek perundingan ini bermula pada 24 Jun 2016 dan dijadualkan tamat pada 8 Julai 2017. Kos bagi projek perundingan ini berjumlah RM 1,699,790.00. Kuching Baraj terletak di muara Sungai Sarawak berdekatan dengan Bandar Kuching. Baraj tersebut berfungsi sebagai pintu kawalan air masin dari laut dan dikendalikan oleh Kuching Barrage Management Sendirian Berhad di bawah program Sungai Sarawak Regulation Scheme (SSRS). Ianya telah siap sepenuhnya pada Oktober 1997 dan mula beroperasi Januari 1998. Rajah 1 yang menunjukkan lokasi Kuching Baraj dan kawasan kajian.

Rajah 1: Kuching Baraj dan kawasan kajian di Sungai Sarawak

Penyelidikan yang dijalankan ini merangkumi penyiasatan, pengumpulan data di lapangan, permodelan fizikal bagi menentukan punca kejadian hakisan dasar, permodelan numerikal 1-Dimensi dan 2-Dimensi bagi mengkaji pergerakan angkutan endapan dan punca berlakunya hakisan kerukan (*scouring*). Melalui permodelan fizikal dan numerikal ini juga, cadangan penyelesaian terbaik bagi meminimumkan masalah hakisan dan angkutan endapan di Kuching Baraj dan *Shiplock* di Sungai Sarawak dapat dikenalpasti.

Tajuk

Pelan pengurusan dan pembangunan kawasan tadahan Sungai Bertam, Cameron Highlands.

Pusat Kajian Lembangan Sungai (PKLS) telah menjalankan projek perundingan bagi Pelan pengurusan dan pembangunan kawasan tadahan Sungai Bertam, Cameron Highlands untuk TNB Research Sdn. Bhd selama tempoh 24 bulan. Penyelidikan ini telah bermula pada 10 Ogos 2015 dan dijadualkan tamat pada 16 Ogos 2017. Kos bagi projek perundingan adalah RM 4,879,074.00.

Penyelidikan ini mempunyai tiga objektif utama iaitu mengenalpasti punca-punca yang menyebabkan masalah endapan di Sungai Bertam, memasang NAHRIM Buffer Zone dan NAHRIM Integrated Drainage System (NIDS) sebagai kaedah untuk mengatasi masalah endapan yang mengakibatkan banjir di hilir Sungai Bertam dan juga menyediakan Pelan engurusan dan pembangunan untuk kawasan tadahan Sungai Bertam bagi membendung sebarang kesan negatif yang berlaku dan memastikan tidak berlakunya kemerosotan kuantiti dan kualiti air di sungai berkenaan.

Skop penyelidikan yang dijalankan adalah melibatkan pelan jangka masa panjang, pelan jangka masa sederhana,dan pelan jangka masa pendek. Pelan jangka masa panjang merupakan pelaksanaan pelan pengurusan dan pembangunan kawasan tadahan Sungai Bertam. Pelan jangka masa sederhana pula meliputi penyediaan Pelan pengurusan dan pembangunan kawasan tadahan Sungai Bertam seperti pelan tindakan sistem saliran dan kawalan banjir, pelan tindakan hakisan dan endapan, pelan tindakan zon penampan, pelan tindakan guna tanah, pelan tindakan penglibatan komuniti, pelan tindakan TMDL dan pelan tindakan pemantauan dan penguatkuasaan. Pelan jangka masa pendek pula melibatkan pemasangan NAHRIM Integrated Drainage System (NIDS) di beberapa jajaran anak Sungai Bertam dan NAHRIM Intelligent River Guard (INTRiGUARD) di sepanjang Sungai Bertam.



Rajah 1: Peta guna tanah tadahan Sg. Bertam

Rajah 2: Cadangan lokasi pemasangan INTRiGUARD

Rajah 3: Kerja-kerja persampelan endapan di Sg Bertam

Tajuk

Kajian ke atas masalah hakisan tebing dan pengendapan pasir di Muka Sauk fasa 1 dan 2 LRA Kg. Lawa Gadong, Sg. Padas, Beaufort, Sabah.

Pusat Kajian Lembangan Sungai (PKLS), NAHRIM telah menjalankan projek perundingan di Muka Sauk fasa 1 dan 2 LRA Kg. Lawa Gadong Sg. Padas, Beaufort, Sabah bagi kajian ke atas masalah hakisan tebing dan pengendapan pasir untuk Jabatan Bekalan Air selama tempoh 11 bulan. Kajian ini telah bermula pada 16 November 2015 dan tamat pada 3 Disember 2016. Kos perundingan bagi projek ini berjumlah RM 1,200,830.00.



Rajah 1: Peta guna tanah di Lembangan Sg. Padas

Skop bagi projek perundingan ini melibatkan pengumpulan data-data sedia ada dan di lapangan, membangunkan simulasi permodelan numerikal bagi mengkaji pergerakan angkutan endapan di kawasan kajian dan juga menyediakan langkah-langkah penyelesaian terbaik bagi meminimumkan masalah hakisan tebing di LRA Kg. Lawa Gadong.

Antara hasil penyelidikan tersebut adalah pembangunan model hidrodinamik dengan simulasi 2D bagi mengkaji pergerakan angkutan endapan dan melihat secara terperinci masalah hakisan angkutan endapan di kawasan kajian. Selain itu, hasil daripada analisa permodelan tersebut cadangan penyelesaian terbaik dari aspek kejuruteraan dapat dikenalpasti. Cadangan penyelesaian tersebut meliputi penggunaan *Riverbank Filtration System (RBF)*, *Groynes* dan *Sheet Pile Retaining Wall*.

Rajah 2: Kerja ukur sungai dan tebing sungai

Tajuk

Kajian hidraulik bagi menentukan impak air kumbahan di Pantai Batu Feringgi, Pulau Pinang

Kajian ini adalah susulan kejadian pencemaran air yang berlaku di Pantai Batu Feringgi pada Februari 2014. Kesan daripada pencemaran ini telah menyebabkan muara sungai Batu Feringgi bertukar menjadi hitam dan berbau seterusnya menyebabkan kemerosotan sosio ekonomi di kawasan ini yang banyak bergantung kepada aktiviti pelancongan serta menjadi kebimbangan terhadap penduduk di persekitarannya. Antara punca berlakunya pencemaran ini adalah daripada sisa kumbahan daripada Indah Water Konsortium (IWK), premis makanan, kegiatan dobi dan cuci kereta yang terdapat di sekitar sungai Batu Feringgi. Kajian ini akan menghuraikan hubungkait parameter kualiti air dengan corak pergerakan hidrodinamik pantai seperti arus, tindakan pasang surut dan juga ombak untuk menentukan serakan sisa kumbahan ini setelah disalirkan keluar ke laut melalui *marine outfall*. Kajian terhadap hubungkait hidrodinamik ini amat diperlukan bagi menentukan adakah jarak struktur saliran sepanjang 120 meter bagi pelepasan sisa kumbahan yang dibina oleh JPS adalah mencukupi dan bersesuaian bagi membolehkan kesan pelepasannnya tidak memberi sebarang impak kepada kualiti air marin sedia ada di pantai Batu Feringgi. Kajian ini adalah usahasama daripada Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) dan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia (NRE) melalui dana Projek Pemuliharaan Pantai dan Penambahbaikan Kualiti Air Laut di Batu Feringgi yang bermula pada suku tahun keempat 2014 sehingga Jun 2016. Anggaran kos kajian ini adalah sebanyak RM 70,000. Foto 1 sehingga 3 menunjukkan perkembangan projek ini.



Rajah 1: Contoh salah satu analisis pemodelan numerikal di Batu Feringgi yang telah dimuktamadkan

Rajah 2: Punca pencemaran yang telah dikenalpasti

Rajah 3: Contoh sampel air yang telah diambil bagi tujuan analisis makmal

Tajuk

Kajian sustainability of tourism activities for Kilim Geoforest Park

Kajian ini dijalankan susulan daripada hakisan tebing sungai yang berlaku disebabkan gelombang air yang deras akibat daripada bot-bot pelancong di Kilim Geoforest Park. Kesan daripada gelombang air ini telah mengubah ekosistem Sungai Kilim dengan berlakunya hakisan tebing sungai yang teruk. Kajian ini telah dilaksanakan oleh pihak Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dibawah program 1: *Environmental Impacts of Tourist Boats Wake Wash in Kilim River*. Melalui sumber UNESCO, kawasan Kilim telah diwartakan sebagai geopark dan ini termasuk sungai Kilim. Akibat daripada hakisan ini, banyak pohon bakau telah pupus dan akhirnya merencatkan aktiviti perlancongan di sekitar kawasan ini. Kajian ini merangkumi skop kerja penentuan kesan alam sekitar terhadap sosio ekonomi setempat, menggunakan satelit dan kaedah *remote sensing* bagi mengetahui kesan terhadap hakisan tebing sungai dan kenaikan aras laut terhadap ekosistem pohon bakau dan menggunakan aspek teknologi terkini dan kejuruteraan bagi menentukan saiz bot dan jenis yang sesuai serta kajian sains sosial bagi mengenalpasti kesan terhadap sosio ekonomi dan rangka polisi. Kos kajian ini dianggarkan sebanyak RM160,000. Foto 1 dan 2 menunjukkan perkembangan kajian ini.

Rajah 1: Jenis bot yang biasa digunakan untuk membawa pelancong

Rajah 2: Kesan hakisan tebing sungai yang menyebabkan populasi bakau semakin merosot

Tajuk

Drilling and Construction of Groundwater Tubewell at Desaru Coast, Bandar Penawar, Kota Tinggi, Johor

Telaga tiub (TW-01) telah dibina dan diuji di kawasan Pantai Desaru, Kota Tinggi, Johor dengan kedalaman sebanyak 108.0 m. Telaga tiub ini mempunyai diameter paip PVC 150 mm dengan skrin pada kedalaman 81.0-105 m. Kadar luahan semasa kerja pencucian telaga tiub adalah sekitar 6.50 m^3/jam. Manakala ujian pengepaman yang dilakukan pada telaga tiub (MRCB TW1) menunjukkan bahawa kadar pengepaman yang sesuai dan selamat adalah 4.80 m^3/jam dengan penurunan sehingga 40.68 m. Adalah disyorkan bahawa kadar pengepaman bagi telaga tiub ini tidak melebihi kadar yang disyorkan. Manakala pengukuran aras air dan ujian kualiti air perlu sentiasa dijalankan bagi memastikan tiada kemerosotan kualiti air dari semasa ke semasa yang berkemungkinan disebabkan penerobosan air masin dan aktiviti antropogenik di kawasan sekitar. Analisis kimia dan fizikal air tanah menunjukkan kualiti yang baik dan tiada penerobosan air masin walaupun pengepaman berterusan selama 168 jam. Hasil analisis air tanah menunjukkan semua parameter mematuhi Piawaian Kualiti Air Minum Kebangsaan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM, 2004) kecuali ferum dan mangan.

Rajah 1: Kerja-kerja penggerudian telaga tiub

Rajah 2: Kesan hakisan tebing sungai yang menyebabkan populasi bakau semakin merosot

KHIDMAT NASIHAT TEKNIKAL

KHIDMAT NASIHAT TEKNIKAL TAHUN 2016

Bil.	Tajuk aktiviti/projek
1	Pemantauan kualiti air Inkubator SPAH NAHRIM
2	Pemantauan kualiti air *water playground* Paya Indah Wetland
3	Kajian hidraulik bagi menentukan impak air kumbahan di Pantai Batu Feringgi, Pulau Pinang.
4	Kajian *sustainability of tourism activities for Kilim Geoforest Park.*
5	Kajian hidraulik di Basin Tambatan Pangkalan Lumut (TPL)
6	Cadangan pembinaan Sistem Penuaian Air Hujan (SPAH) untuk empat (4) premis Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Tajuk

Pemantauan kualiti air Inkubator SPAH NAHRIM

Makmal Kualiti Air (MKA) telah diarahkan untuk melakukan pemantauan kualiti air bagi Inkubator SPAH, NAHRIM dengan bantuan dari Pusat Kajian Sumber Air (PKSA). Pemantauan kualiti air yang dijalankan bertempat di Makmal Hidraulik dan Instrumentasi (MHI). Pemantauan kualiti air dijalankan untuk memastikan bahawa pengeluaran air minuman berbotol SPAH memenuhi "standard bagi air minuman berbungkus dan air dari mesin jual air, jadual kedua puluh lima [sub peraturan 360B(3) dan 360c(3)]", Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Pemantauan telah dilakukan di beberapa point bermula dengan kawasan tadahan air hujan iaitu di surau NAHRIM seterusnya ke tangki masuk dan paip keluar selepas tangki rawatan. Pemantauan telah dilakukan secara berkala dan analisa dilakukan di MKA dan juga makmal luar. Pemantauan secara berkala oleh MKA lebih tertumpu kepada parameter *turbidity,* pH, dan *metals* disebabkan keputusan analisa makmal tidak mencapai tahap standard yang dibenarkan.

Rajah1: Kerja-kerja di lapangan

Tajuk

Pemantauan kualiti air Water Playground Paya Indah Wetland

Makmal Kualiti Air (MKA) telah ditugaskan untuk melakukan pemantauan kualiti air bagi Sistem Penuaian Air Hujan (SPAH) di Water Playground Paya Indah Wetland dengan bantuan dari Pusat Kajian Sumber Air (PKSA). Pemantauan kualiti air dijalankan untuk memastikan bahawa sistem air hujan mencapai "National Water Quality Standard (NWQS), kelas II yang bersesuaian dengan *Body Contact Activities*.

Pemantauan telah dilakukan di beberapa point bermula dengan kawasan tadahan air hujan iaitu di *Point 1*, seterusnya ke tangki masuk dan berakhir di *water features*. Sampel diambil dan analisa dilakukan di MKA dan juga makmal luar. Analisis di makmal ditumpukan kepada *NWQS Standard* kelas II B dan *Body Contact*.

Rajah 1: Kerja-kerja lapangan

Tajuk

Kajian hidraulik di Basin Tambatan Pangkalan Lumut (TPL)

Kajian ini berdasarkan permintaan Pusat Hidrografi Nasional (PHN) mengenai kesan cadangan pembinaan struktur mitigasi bagi mengurangkan mendapan sedimen di Tambatan Pangkalan Lumut (TPL) menggunakan kaedah pemodelan numerikal. Kawasan Lumut terletak di Bandar Manjung, Perak dan merupakan ibu pejabat pangkalan tentera laut Malaysia serta tempat pembinaan kapal terbesar di Malaysia iaitu Boustead Naval Shipyard. Tempoh pengumpulan data bagi kajian ini bermula pada 21 September 2016 sehingga 31 Oktober 2016. Tahap kelajuan arus di kawasan ini adalah 0.2 hingga 0.68 m/s. Berdasarkan keputusan simulasi numerikal, pergerakan sedimen berlaku di kawasan ini adalah disebabkan oleh kedudukan TPL yang berhampiran dengan muara sungai dan berada dalam ruang sistem sungai yang besar. Oleh yang demikian, cadangan pembinaan struktur ini berpotensi untuk mengangkut sedimen termendap dan pemerhatian khusus harus diberikan bagi memantau pergerakan sedimen tersebut dari semasa ke semasa.

Tajuk

Cadangan pembinaan Sistem Penuaian Air Hujan (SPAH) untuk empat (4) premis Polis Diraja Malaysia (PDRM)

NAHRIM diminta oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk menjalankan khidmat nasihat teknikal bagi kajian pembinaan Sistem Penuaian Air Hujan (SPAH) bagi pelbagai kegunaan seperti pencucian kenderaan, toilet flushing, siraman pokok dan cucian am di empat (4) premis PDRM iaitu Pusat Latihan Polis (PULAPOL) Kuala Lumpur, Lokap Berpusat Kuala Lumpur, Ibu Pejabat Polis Daerah Serdang, dan Balai Polis Taman Tun Dr Ismail.

Kajian teknikal melibatkan mesyuarat, lawatan tapak, pengumpulan data, analisis menggunakan perisian tangki NAHRIM, penghasilan lukisan kejuruteraan, serta membuat reka bentuk konsep bagi keempat-empat premis tersebut. Cadangan Teknikal dan Kewangan (CTK) Pembinaan Sistem Penuaian Air Hujan (SPAH) untuk Polis Diraja Malaysia (PDRM) siap disediakan dan dihantar pada bulan Oktober 2016 manakala semakan kos kewangan dalam CTK telah dibuat dan dihantar pada bulan Januari 2017.

Rajah 1: Mesyuarat dan lawatan tapak di premis-premis PDRM yang terlibat



Rajah 2: Antara rekabentuk konsep yang telah dihasilkan

PEMBANGUNAN PRODUK

PEMBANGUNAN PRODUK

Produk

Sistem Tadahan Penuaian Air Hujan Kuala Tahan (KT-SPAH)

Keterangan Produk

Pusat Kajian Sumber Air dan Perubahan Iklim (PKSA) telah melaksanakan kajian mengenai potensi kegunaan air hujan untuk tujuan air minuman (pembotolan minuman air hujan) melalui pelaksanaan projek Inkubator Pemprosesan Air Hujan (I-SPAH) bagi tujuan minuman yang dibina di bangunan Makmal Hidraulik & Instrumentasi (MHI), Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan (NAHRIM).

Kajian ini merupakan pembangunan Sistem Penuaian Air Hujan (SPAH) yang melibatkan proses mengumpul, mengangkut, memindah, merawat dan membotolkan air hujan sebagai air minuman yang mematuhi spesifikasi piawai air minuman berbungkus yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Proses penuaian air hujan I-SPAH berlokasi di Taman Negara yang terletak di Kuala Tahan, Pahang. Bumbung tadahan air hujan yang digunakan direkabentuk khas seperti payung diperbuat dari material jenis kanvas dengan dimensi 6 m (panjang) dan 6 m (lebar). Luas permukaan tadahan adalah bersamaan dengan keluasan bumbung iaitu 36 m^2. Air hujan yang telah dituai ini akan disalurkan masuk ke dalam Tangki R1 [R1-1 (TKT)] untuk disaring dengan sistem *first flush* sebelum menjalani proses penapisan berteknologi micro nano carb. Air hujan yang telah ditapis kemudian dialirkan masuk ke dalam tangki pengumpulan [TP (TKT)] sebelum dipam masuk ke dalam Tangki Pengumpulan Mudah Alih untuk diangkut bagi tujuan pemprosesan di Inkubator (I-SPAH) di NAHRIM.

Rajah 1: Carta aliran proses pengangkutan, rawatan dan pembotolan air hujan

Rajah 2: Lokasi tadahan di Taman Negara Kuala Tahan, Pahang

Rajah 3: Bumbung tadahan dan aliran air hujan yang digunakan di Kuala Tahan

Rajah 4: Proses pemindahan air dari tangki tadahan Kuala Tahan ke dalam lori tangki.

Rajah 5: Proses pemindahan dari lori tangki air ke Tangki R1Tahan

Rajah 6: Proses pemindahan air hujan ke dalam tangki R1-2(TKT) yang terletak di NAHRIM

Rajah 7: Lori yang digunakan untuk mengangkut air

Produk

Sistem Tadahan Penuaian Air Hujan NAHRIM (N-SPAH)

Keterangan Produk

Pusat Kajian Sumber Air dan Perubahan Iklim (PKSA) telah melaksanakan kajian mengenai potensi kegunaan air hujan untuk tujuan air minuman (pembotolan minuman air hujan) melalui pelaksanaan projek penyelidikan Sistem Penuaian Air Hujan (SPAH) yang dibina di Surau Taqi Al-Din, NAHRIM sebagai salah satu sumber air hujan bagi Inkubator Pemprosesan Air Hujan yang dibina di bangunan Makmal Hidraulik & Instrumentasi (MHI) di Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan (NAHRIM).

Kajian ini merupakan pembangunan Sistem Penuaian Air Hujan untuk mengumpul dan menyimpan air hujan Tadahan NAHRIM untuk disalurkan ke Inkubator bagi tujuan rawatan pemprosesan air hujan sebagai air minuman berbungkus. Proses penuaian air hujan I-SPAH berlokasi di Surau Taqi Al-Din, NAHRIM. Bumbung yang diperbuat daripada jenis polycarbonate dengan dimensi 16 m (panjang) dan 10.5 m (lebar) digunakan sebagai kawasan tadahan bagi penuaian air hujan. Luas kawasan tadahan yang bersamaan dengan keluasan bumbung adalah 168 m^2. Air hujan yang telah dituai ini akan disalurkan masuk ke dalam dua (2) buah tangki pengumpulan dengan kapasiti 2,000 liter setiap satu. Sebelum masuk ke tangki pengumpulan, air hujan terlebih dahulu disaring dengan sistem first flush. Seterusnya, air hujan dari tangki pengumpulan akan dipam ke dalam Tangki R1(TN) untuk ditapis dengan sistem micro nano carb sebelum dialirkan turun melalui paip polyethelene secara graviti ke dalam tangki penyimpanan(TS(TN)) di Inkubator Pemprosesan Air Hujan (I-SPAH). Seterusnya air hujan akan dialirkan untuk proses rawatan dan pembotolan.

Rajah 1: Carta aliran proses pengangkutan, rawatan dan pembotolan air hujan

Rajah 2: Lokasi tadahan di Surau Taqi Al-Din, NAHRIM



Rajah 3: Skematik Aliran Air Hujan Tadahan NAHRIM

Produk

Inkubator Pemprosesan Air Hujan (I-SPAH)

Keterangan Produk

Pusat Kajian Sumber Air dan Perubahan Iklim (PKSA) telah melaksanakan kajian mengenai potensi kegunaan air hujan untuk tujuan air minuman (pembotolan minuman air hujan) melalui pelaksanaan projek penyelidikan Inkubator Pemprosesan Air Hujan (I-SPAH) yang dibina di bangunan Makmal Hidraulik & Instrumentasi (MHI) di Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan (NAHRIM). I-SPAH berfungsi untuk memproses dan merawat dua (2) sumber air hujan iaitu Tadahan Kuala Tahan dan Tadahan NAHRIM.

Pembangunan sistem ini melibatkan proses penapisan, merawat, dan membotolkan air hujan sebagai air minuman yang mematuhi spesifikasi piawai air minuman berbungkus yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Proses perawatan dan pembotolan air hujan perlu melalui beberapa peringkat proses yang tertentu bagi menjamin kualiti dan piawaian yang telah ditetapkan. Proses ini dilakukan di dalam inkubator NAHRIM yang bermula dari air hujan yang dituai dan disimpan di Tangki Simpanan [TS]. Air hujan kemudian dipam untuk melalui 2 peringkat proses penapisan iaitu melalui penapisan mikro dan ultra bagi memastikan partikel halus dan mikrob termasuk virus dapat disingkirkan. Bagi memastikan mikro organisma berbahaya seperti E-Coli disingkir dan dimatikan dalam air yang dirawat, proses penapisan Ultra Violet (UV) dijalankan dalam proses perawatan air hujan ini. Air hujan terawat kemudiannya disimpan didalam Tangki Simpanan Terawat [TST] sebelum sekali lagi melalui proses penapisan Ultra Violet (UV) kali ke-2 bagi memastikan proses-proses yang dijalankan dapat mengawal bau dan harmoni rasa air hujan yang dirawat. Akhir sekali, air hujan yang siap dirawat bersedia untuk melalui proses pembotolan dan pelabelan sebelum siap sedia untuk dipasarkan.

Rajah 1: Carta aliran proses rawatan dan pembotolan air hujan di dalam Inkubator I-SPAH

Rajah 2: Produk akhir air hujan terawat yang siap dibotolkan (Cloudrain@NAHRIM dan NRE Raindrops)

Rajah 3: Inkubator Pemprosesan I-SPAH

Laporan Pertandingan Inovasi

The 3rd International Innovation, Design and Articulation:

Makmal Hidraulik dan Instrumentasi (MHI) dan Pusat Kajian Pantai dan Oseanografi (PKPO) telah menyertai **The 3rd International Innovation, Design and Articulation** pada 27-29 April 2016 bertempat di Dewan 2020, Kangar, Perlis. Objektif utama **i-IDeA 2016** ini adalah untuk memupuk kreativiti dan pemikiran inovatif di kalangan para penyelidik. MHI diwakili oleh Ir. Icahri bin Hj. Chatta selaku Ketua Pasukan dan dibantu oleh En. Noor Azme bin Omar, En. Mohd Baharum bin Muhamad Din, En. Safarudin bin Salehuddin, En. Zairi Jalaluddin, En. Rosezariman Ismail, En.Fardzir Johari, En. Hafizul Husni Mohamed dan beberapa kakitangan MHI membawa produk **NAHRIM Coastal Defense & Energy Generator (N-CODE)** untuk dipertandingkan. MHI telah berjaya memperolehi pingat **BRONZE** dalam i-IDeA. Manakala PKPO pula diwakili oleh Encik Ahmad Hadi Mohamed Rashidi selaku Ketua Pasukan bersama Encik Mohd Amram Mohd Nor dan Cik. Siti Salihah Mohd Sendek telah membawa produk **NAHRIM *Coastal Protection and Expansion Block* (NEXC)** untuk dipertandingkan. Melalui pertandingan ini, PKPO telah berjaya memenangi 1 Pingat Perak.

Rajah 1: MHI berjaya memperolehi Pingat BRONZE dalam pertandingan i-IDEA 2016

16th British Invention Show, Barbican Exhibition Centre, London

Pusat Kajian Pantai dan Oseanografi (PKPO) telah menyertai **The 16TH British Invention Show (BIS)** pada 19-22 Oktober 2016 bertempat di Barbican Exhibition Centre, London, United Kingdom. Objektif utama **BIS 2016** ini adalah untuk memupuk kreativiti dan pemikiran inovatif di kalangan para penyelidik diperingkat antarabangsa. PKPO diwakili oleh Ir. Haji Mohd Radzi Abdul Hamid selaku Ketua Pasukan bersama Encik Ahmad Hadi Mohamed Rashidi membawa produk **NAHRIM *Coastal Protection and Expansion Block* (NEXC)** untuk dipertandingkan. PKPO telah berjaya memenangi Anugrah Double Gold, 1 Gold Medal bagi kategori Penciptaan (Invention) dan 1 Silver Medal bagi kategori reka bentuk.

Rajah 1: Ir. Haji Mohd Radzi Abd Hamid bersama En Ahmad Hadi Mohamed Rashidi bersama medal yang dimenangi.

Rajah 2: International Invention of the Year Award – Double Gold Medal.

National Innovation and Invention Competition Through Exhibition 2016

Pusat Kajian Pantai dan Oseanografi (PKPO) telah menyertai **The National Innovation and Invention Competition Through Exhibition 2016 (iCompEx')** pada 22-24Mac 2016 bertempat di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS), Perlis. Objektif utama **iCompEx'16** ini adalah untuk memupuk kreativiti dan pemikiran inovatif di kalangan para penyelidik diperingkat tempatan. PKPO diwakili oleh Encik Ahmad Hadi Mohamed Rashidi selaku Ketua Pasukan bersama Cik. Siti Salihah Mohd Sendek, Encik Shahdy Izuan Samsuddin, Encik Sheikh Mohamad Affan S.A. Rahim dan Encik Mohammad Faizan Sahinin telah membawa produk **NAHRIM *Coastal Protection and Expansion Block* (NEXC)** untuk dipertandingkan. PKPO telah berjaya memenangi 1 Pingat Emas.

Rajah 1: Sesi penilaian

Rajah 2: Persiapan tempat pameran dan pertandingan

Pencapaian NAHRIM Di *Malaysia Technology Expo 2016* (MTE 2016)

Malaysia Technology Expo 2016 atau MTE 2016 telah berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) dari 18 hingga 20 Februari 2016. MTE 2016 iaitu MTE kali ke-15 ini sekali lagi memberi pengiktirafan kepada inovasi, reka bentuk dan ciptaan yang terbaik di rantau ini untuk dua pengiktirafan iaitu *The Invention & Innovation Awards 2016* dan *The Malaysia International Design Expo & Awards 2016 (mIDEAS)*. MTE telah dianjurkan oleh Persatuan Saintis Penyelidikan Malaysia (MARS) dan Protemp Exhibitions Sdn. Bhd. dan ianya merupakan platform perjumpaan perniagaan tahunan untuk teknokrat, pencipta, pemberi lesen, pengedar dan pengeluar untuk berkongsi pengetahuan dan menjalin hubungan perniagaan strategik. Lebih daripada 500 hasil inovasi dan ciptaan kebangsaan dan antarabangsa yang terdiri daripada industri, institusi pengajian tinggi tempatan dan agensi-agensi kerajaan telah menyertai MTE 2016 pada kali ini.

Kumpulan penyelidik daripada Pusat Kajian Lembangan Sungai (PKLS), NAHRIM telah mempamerkan tiga (3) Produk Inovasi untuk MTE 2016 kali ini. Produk-produk tersebut terdiri daripada *NAHRIM Lab on Chip (NLOC),NAHRIM Community Floatable Flood Relief Centre* dan *NAHRIM Water Treatment Plant (NEWTON). NLOC* merupakan makmal bergerak yang berupaya menganalisis sampel air di tapak persampelan untuk 14 parameter kualiti air seperti *Ammoniacal Nitrogen, Nitrate, Nitrite, Biochemical Oxygen Demand (BOD), Total Organic Carbon (TOC)*, pH, suhu, saliniti dan lain-lain lagi.

NAHRIM Community Floatable Flood Relief Centre direkabentuk untuk perlindungan komuniti semasa banjir yang dilengkapi dengan dapur, tandas dan bekalan air serta elektrik. Pusat perlindungan ini juga boleh digunakan untuk aktiviti seperti hari keluarga semasa musim kering. Ia dibina menggunakan bahan yang ringan, tahan lama dan mudah dipasang serta mudah diangkut dalam bentuk modular. Setiap modular mampu menampung satu keluarga seramai 7 orang. Produk ketiga iaitu, NEWTON adalah loji rawatan air dan air sisa yang direkabentuk untuk merawat air sungai daripada kelas IV ke tahap air minuman. Loji ini telah dilengkapkan dengan pelbagai penapis seperti penapis pasir dan penapis karbon teraktif serta sistem osmosis songsang.

Dua produk inovasi iaitu *NAHRIM Lab On Chip (NLOC)* dan *NAHRIM Community Floatable Flood Relief Centre* telah mendapat pengiktirafan daripada Juri dan berjaya meraih pingat gangsa bagi kedua-dua produk tersebut. Rajah 1 menunjukkan Ruang Pameran NAHRIM di MTE 2016 dan rajah 2 menunjukkan Sijil Pengiktirafan dan Pingat untuk Produk Inovasi NAHRIM yang dipertandingkan.

Rajah 1: Ruang Pameran NAHRIM di MTE

Rajah 2: Sijil-sijil Pengiktirafan dan Pingat

44th International Exhibition of Inventions of Geneva

44th International Exhibition Of Inventions Of Geneva telah berlangsung di Palexpo Hall 7, Geneva, Switzerland pada 13 hingga 17 April 2016. Penganjuran pameran tersebut yang merupakan kali ke- 44 sekali lagi memberi pengiktirafan kepada inovasi, reka bentuk dan ciptaan yang terbaik dari seluruh dunia dengan penglibatan sebanyak 695 penyertaan daripada 40 buah negara. Ia dianjurkan secara tahunan oleh International Federation of Inventors' Association (IFIA) berpusat di Geneva, Switzerland dan merupakan sebuah platform yang mendapat sokongan dan pengiktirafan daripada kerajaan persekutuan Switzerland dan Organisasi Harta Intelek Dunia (WIPO). Seramai 57,612 pelawat telah direkodkan menghadiri acara selama lima hari ini yang mempamerkan sekitar 1000 hasil ciptaan baharu dari pelbagai syarikat industri, institusi pengajian, agensi kerajaan dan swasta, persatuan serta pereka cipta persendirian.

Kumpulan penyelidik daripada Pusat Kajian Lembangan Sungai (PKLS), NAHRIM telah mempamerkan tiga (3) produk inovasi untuk pameran 44th International Exhibition of Inventions of Geneva ini. Produk-produk tersebut terdiri daripada NAHRIM Lab on Chip (NLOC), NAHRIM Water Scan (NExuS) dan NAHRIM Water Treatment Plant (NEWTON). NLOC merupakan makmal bergerak yang berupaya menganalisis sampel air di tapak persampelan untuk 14 parameter kualiti air seperti Ammoniacal Nitrogen, Nitrate, Nitrite, Biochemical Oxygen Demand (BOD), Total Organic Carbon (TOC), pH, suhu, saliniti dan lain-lain lagi.

Produk kedua pula adalah NExuS yang merupakan alat mudah alih untuk mengukur (6) parameter kualiti air secara langsung dan serentak di tapak seperti pH, ORP, kekeruhan, kekonduksian, oksigen terlarut dan suhu. Selain itu alat ini boleh mengurus dan memaparkan keputusan melalui peranti telefon pintar. Dengan adanya perumah *sonde* yang kecil dan mudah alih, penjanaan data dapat dijalankan dengan tepat, cepat dan mudah. NExuS juga menggunakan sambungan tanpa wayar terus kepada telefon pintar menerusi aplikasi mudah *bluetooth*. Ia juga boleh digunakan untuk menganalisis air permukaan dan air minuman.

Produk ketiga iaitu, NEWTON adalah loji rawatan air dan air sisa yang direkabentuk untuk merawat air sungai daripada kelas IV ke tahap air minuman. Loji ini telah dilengkapkan dengan pelbagai penapis seperti penapis pasir dan penapis karbon teraktif serta sistem osmosis songsang. Ketiga-tiga produk inovasi iaitu NAHRIM Lab On Chip (NLOC) NAHRIM Water Scan (NExuS) dan NAHRIM Portable Water Treatment System (NEWTON) telah mendapat pengiktirafan daripada para juri dan berjaya meraih pingat emas bagi setiap produk tersebut.



Rajah 2: Anugerah Khas daripada Korean Inventions Promotion Association (KIPA)

Rajah 1: Ketiga-tiga Sijil Anugerah dan Pingat Emas bagi inovasi Produk NAHRIM - NLOC, NExuS dan NEWTON

Lebih membanggakan lagi, produk NAHRIM Water Scan (NExuS) telah dinobatkan Anugerah Khas oleh pihak *Korean Invention Promotion Association* (KIPA). Anugerah tersebut telah disampaikan oleh Presiden Mr. Lee Joon-seok kepada wakil NAHRIM, Prof. Dr. Nasehir Khan E.M. Yahaya seperti dalam gambar yang dipaparkan.

PROGRAM LATIHAN, SEMINAR & LAWATAN RASMI

PROGRAM LATIHAN

Senarai Program Latihan

Bil.	Pusat Kajian	Tajuk Persidangan/Seminar/ Bengkel/latihan yang dianjurkan	Tarikh	Lokasi
1.	Bahagian Perancangan Korporat	Kursus pengurusan stress	3 Februari 2016	Mini Auditorium, NAHRIM
2.	Pusat Kajian Lembangan Sungai	Malaysia-Korea seminar on Healthy River Basin, 17-18 Februari 2016 di Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur.	17-18 Februari 2016	Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur
3.	Pusat Kajian Pantai Dan Oseanografi & Bahagian Khidmat Pengurusan	Bengkel penulisan artikel berkesan	4 Mac 2016	Mini Auditorium, NAHRIM
4.	Pusat Kajian Lembangan Sungai	Bengkel peningkatan kualiti sumber air melalui penggunaan biodigester 1 Malaysia	3 – 4 Mac 2016	Sepang, Selangor
5.	Pusat Kajian Hidrogeologi	Latihan penggunaan perisian MIKE SHE	11-15 April 2016	Makmal Komputer, NAHRIM
6.	Pusat Kajian Lembangan Sungai	Bengkel penyelidikan ke arah banjir sifar tadahan Sungai Kerayong, Lembangan Sungai Klang.	26 April 2016	Best Western i-City Hotel, Shah Alam
7.	Pusat Kajian Lembangan Sungai	Bengkel pengenalan pelan pengurusan dan pembangunan kawasan tadahan Sungai Bertam Cameron Highlands.	10-11 Mei 2016	Hotel Century Pines, Cameron Highlands
8.	Makmal Hidraulik dan Instrumentasi	Seminar *Physical Modelling* *Application and Technology* 2016 (PHYMAT 2016)	24 Mei 2016	Dewan Baiduri, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar
9.	Pusat Kajian Hidrogeologi	Seminar kumpulan kerja 3 (WG3)	1 September 2016	Mini Auditorium, NAHRIM
10.	Pusat Kajian Lembangan Sungai	Kursus pengecaman dan pengurusan keselamatan spesies ular berbisa.	13 Oktober 2016	Mini Auditorium NAHRIM
11.	Pusat Kajian Hidrogeologi	Seminar on groundwater "Mainstreaming Groundwater Into Public Water Supply System"	18-19 Oktober 2016	The Palace Hotel, Kota Kinabalu, Sabah

Malaysia-Korea Seminar on Healthy River Basin
17-18 Februari 2016
Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur

Malaysia-Korea Seminar on Healthy River Basin telah dianjurkan dengan jayanya di Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur pada 17-18 Februari 2016 dan dirasmikan oleh YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Bin Tuanku Jaafar, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia. Seminar ini telah dihadiri oleh beberapa orang delegasi dari Republic of Korea yang diketuai oleh Professor Dr. Won Yun-Hi**,** President of University of Seoul, Republic of Korea. Seminar ini dianjurkan oleh Persatuan Konkrit Malaysia dengan kerjasama Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) dan University of Seoul (UOS). Objektif penganjuran seminar ini adalah untuk menyediakan platform dan peluang kepada pihak kerajaan, universiti, sektor swasta dan pihak yang berkepentingan yang terlibat secara langsung dalam penyelidikan air daripada kedua-dua Negara iaitu Malaysia dan Korea untuk berkongsi maklumat, kepakaran, pengalaman dan saling bertukar pendapat. Tema seminar adalah penyelidikan inovatif ke arah sumber air yang selamat, berkualiti dan lestari. Sebanyak 3 kertas ucaptama dan 12 kertas teknikal telah dibentangkan dalam seminar tersebut oleh pembentang dari kedua-dua Negara. Seminar ini dihadiri oleh seramai 85 orang peserta yang terdiri daripada 25 rakyat Korea dan 60 rakyat Malaysia.

Semasa seminar tersebut YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Bin Tuanku Jaafar, telah dianugerahkan 'Research Professorship' dalam bidang alam sekitar oleh University of Seoul di atas usaha dan sumbangan YB Menteri menangani masalah jerebu yang berlaku pada Oktober 2015 yang melibatkan Malaysia, Indonesia dan Singapura. YB Menteri telah menghadiri Mesyuarat ke-11 *'Conference of Parties to the ASEAN Agreement on Transboundary Haze Pollution*' pada 29 Oktober 2015 di Hanoi, Vietnam. Malaysia secara berterusan telah menggesa negara-negara ASEAN untuk meningkatkan tindakan penguatkuasaan terhadap pesalah yang menyebabkan jerebu serantau. Malaysia juga menggesa pengerusi negara-negara ASEAN berusaha ke arah penyelesaian yang konkrit dan langkah-langkah pencegahan pembakaran hutan dan tanah yang bersepadu dan berterusan diambil. Di samping itu, Malaysia juga telah menggesa negara-negara ASEAN untuk bekerjasama rapat dengan meningkatkan keupayaan dan pengetahuan teknikal dalam menangani jerebu rentas sempadan.

YB Menteri telah melancarkan '*Malaysia Korea Water Research Association*' yang ditubuhkan atas inisiatif NAHRIM dan University of Seoul, Republic of Korea bagi memberi peluang pada kedua-dua negara untuk bertukar maklumat, kepakaran dan teknologi ke arah lembangan sungai yang lestari dan sihat. Pada masa yang sama, NAHRIM juga telah mengambil peluang untuk mengkomersilkan dua produk inovasi iaitu *NAHRIM Integrated Drainage System* (NIDS) and *NAHRIM Hydraulics Marker* (NhM).

Rajah 1: YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Bin Tuanku Jaafar, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia dianugerahkan '*Research Professorship*' dalam Bidang Alam Sekitar oleh University of Seoul, Republic of Korea

Rajah 2: Majlis menandatangani *Memorandum of Agreement* pengkomersilan produk inovasi *NAHRIM Integrated Drainage System* (NIDS) and *NAHRIM Hydraulics Marker* (NhM)

Rajah 3: Majlis Perasmian *Malaysia-Korea Seminar on Healthy River Basin* dan pelancaran *Malaysia Korea Water Research Association* oleh YB Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia.

Rajah 4: Jemputan Kehormat dan Peserta *Malaysia-Korea Seminar on Healthy River Basin* yang hadir.

Bengkel Penulisan Artikel Berkesan

Satu bengkel penulisan artikel berkesan anjuran Pusat Kajian Pantai dan Oseanografi (PKPO) dan Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) telah diadakan pada 4 Mac 2016 (Jumaat) bertempat di Mini Auditorium NAHRIM. Bengkel ini telah disampaikan oleh Y.Bhg Professor Madya Dr. Nor Azwadi Che Sidik daripada Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada para penyelidik NAHRIM terutama kepada kumpulan pengurusan dan professional bagi menghasilkan sebuah penulisan akademik yang memberi impak yang tinggi. Seramai enam puluh (60) orang pegawai penyelidik daripada pusat kajian/bahagian NAHRIM telah dijemput untuk menghadiri bengkel ini dan kandungan bengkel ini dibahagikan kepada tiga slot.

Slot Pertama:
Pengenalan kepada penulisan akademik (jenis penulisan, jurnal, persidangan, pengindeksan).

Slot Kedua:
Pengenalan kepada penulisan jurnal (Elsevier, Akademia baru, MyJurnal, Impak Faktor, SCOPUS, Web of Science (WoS)).

Slot Ketiga:
Penstrukturan penulisan yang memberi impak tinggi termasuk struktur manuskrip, bagaimana untuk menulis tajuk, abstrak, pengenalan, pernyataan masalah, jurang penyelidikan, objektif, kesimpulan, rujukan, bagaimana untuk mencari jurnal dan penyerahan artikel.

Rajah 1: Y.Brs Prof Madya Dr Nor Azwadi sedang menyampaikan ceramahnya.

Rajah 2: Antara Peserta yang hadir semasa bengkel yang diadakan.

Bengkel Penyelidikan Ke Arah Banjir Sifar Tadahan Sungai Kerayong, Lembangan Sungai Klang.
26 April 2016
Best Western I-City Hotel, Shah Alam

Pusat Kajian Lembangan Sungai (PKLS), Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) telah berjaya menganjurkan Bengkel Penyelidikan ke arah banjir sifar di Lembangan Sungai Klang: Kajian Kes Kawasan Tadahan Sungai Kerayong pada 25 April 2016 bertempat di Best Western i-City Hotel, Shah Alam. Bengkel ini telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Datuk Ir. Hj. Ahmad Jamalluddin bin Shaaban, Ketua Pengarah NAHRIM. Bengkel ini bertujuan sebagai platform untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan mengenai pengurusan lembangan sungai dan topik yang berkaitan ke arah banjir sifar untuk mencapai persekitaran yang sihat dan mampan, serta meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan pengurusan lembangan sungai dan konsep ke arah banjir sifar.

Sejumlah 35 peserta dari pelbagai agensi kerajaan dan pihak berkuasa tempatan seperti Kementerian Kesejahteraan, Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS), Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM), Jabatan Kerja Raya (JKR), Majlis Keselamatan Negara (MKN), Agensi Pengurusan Bencana Negara (APBN), Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Majlis Perbandaran Klang, dan lain-lain telah menyertai bengkel ini.

Bengkel ini dibahagi kepada tiga sesi iaitu slot pembentangan, perbincangan kumpulan dan pembentangan kumpulan. Pembentangan telah disampaikan oleh Prof. Dr. Nasehir Khan E.M. Yahaya, Pengarah PKLS, NAHRIM mengenai kajian kes kawasan tadahan Sungai Kerayong. Sebanyak 4 kumpulan yang diketuai oleh moderator daripada pihak UiTM telah mengetuai perbincangan menjurus kepada empat bidang utama iaitu Perlaksanaan Penyelidikan ke Arah Banjir Sifar bagi Lembangan Sungai, Latihan dan Program Kesedaran, Polisi dan Perundangan dan Pelan Perancangan dan Kewangan. Program diteruskan dengan pembentangan oleh wakil dari setiap kumpulan diikuti dengan sesi soal jawab oleh para peserta.

Rajah 1: Ucapan aluan oleh Ketua Pengarah NAHRIM, Datuk Ir. Hj. Ahmad Jamaluddin Shaaban.

Rajah 2: Pembentangan oleh Pengarah Pusat Kajian Lembangan Sungai, Dr. Nasehir Khan E.M Yahaya

Rajah 3: Perbincangan kumpulan

Rajah 4: Sesi bergambar peserta bengkel

Rumusan bengkel yang meliputi kesemua aspek daripada hasil perbincangan kumpulan telah disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Mohd Fozi Ali (UiTM). Bengkel diakhiri dengan ucapan penutup oleh Dr. Nasehir Khan E.M Yahaya (NAHRIM) dimana beliau telah menitikberatkan tentang keupayaan pakar dalam negara bagi menyelesaikan isu banjir dan memberi manfaat kepada generasi akan datang. Beliau juga menekankan mengenai kepentingan kerjasama daripada semua pihak berkepentingan dalam menjayakan kajian penyelidikan ke arah banjir sifar di Lembangan Sungai Kerayong.

Bengkel pengenalan pelan pembangunan dan pengurusan kawasan tadahan Sungai Bertam, Cameron Highlands

Bengkel pengenalan penyediaan pelan pembangunan dan pengurusan kawasan tadahan Sungai Bertam, Cameron Highlands bertujuan untuk mendapatkan kerjasama dan sokongan di peringkat kerajaan persekutuan, kerajaan negeri dan kerajaan tempatan bagi berkongsi maklumat yang diperlukan untuk membangunkan Pelan pembangunan dan pengurusan kawasan tadahan Sungai Bertam, Cameron Highlands. Bengkel ini juga bertujuan mewujudkan kefahaman yang sama mengenai matlamat pembangunan pelan tersebut iaitu ke arah sekuriti dan kualiti sumber air serta kelestarian tadahan Sungai Bertam.

Bengkel ini telah diadakan pada 10-11 Mei 2016 di Hotel Century Pines,Cameron Highlands dan disertai oleh seramai 71 orang wakil daripada pihak berkepentingan termasuk agensi-agensi kerajaan, sektor swasta dan Badan Bukan Kerajaan (NGO). Para peserta telah dibahagikan kepada 7 kumpulan untuk membincangkan pelan tertentu dan juga mengulas lanjut mengenai aspek kewangan, pelaksanaan dan penguatkuasaan, undang-undang dan dasar, latihan dan kesedaran awam. Pada dasarnya, pembangunan pelan ini adalah berasaskan pada 7 pelan utama iaitu pelan tebatan banjir dan sistem saliran, pelan kawalan hakisan dan pemendapan, pelan zon penampan, pelan pengurusan guna tanah, pelan tindakan *Total Maximum Daily Load (TMDL)*, pelan hubungan bersama masyarakat dan pelan penguatkuasaan serta pengawasan.

Kerjasama dan kesepaduan tindakan antara agensi-agensi di peringkat kerajaan persekutuan, kerajaan negeri dan kerajaan tempatan adalah amat diperlukan dalam penyediaan pelan ini bagi meningkatkan kecekapan dan memastikan pelaksanaan serta penguatkuasaan pelan tersebut berkesan.

Rajah 1: Barisan tetamu kehormat yang hadir

Rajah 2: Sesi bergambar peserta bengkel

Kursus pengecaman dan pengurusan keselamatan spesies ular berbisa

Kursus pengecaman dan pengurusan keselamatan spesies ular berbisa ini telah dianjurkan oleh Pusat Kajian Lembangan Sungai, NAHRIM dengan kerjasama Jabatan Perhilitan Malaysia pada 13 Oktober 2016 di Mini Auditorium NAHRIM. Kursus ini dihadiri oleh seramai 100 orang peserta yang terdiri daripada warga NAHRIM dan Pegawai Keselamatan NAHRIM. Seramai 5 orang fasilitator yang bertauliah daripada Jabatan Perhilitan Malaysia telah hadir untuk memberikan taklimat dan demostrasi bagi menjayakan kursus tersebut.

Kursus ini dianjurkan bagi memberi pengetahuan dan pendedahan tentang spesis ular berbisa, kaedah pengecaman dan pengurusan keselamatan kepada kakitangan NAHRIM khususnya yang terlibat secara langsung dalam kerja-kerja di lapangan. Secara keseluruhannya warga NAHRIM mempunyai pengetahuan yang rendah tentang haiwan merbahaya khususnya spesis ular berbisa. Situasi ini amat membimbangkan kerana kebanyakan kajian yang dijalankan oleh NAHRIM adalah terletak berhampiran dengan habitat semula jadi ular. Kekurangan atau ketiadaan kemahiran serta pemahaman dalam menangani situasi tersebut akan memudaratkan dan membahayakan kakitangan NAHRIM yang menjalankan kerja-kerja di lapangan.

Kursus yang dianjurkan ini merangkumi pengenalan kepada ular atau teknik pengecaman dan pengendalian ular serta demostrasi pengendalian ular. Beberapa spesies ular yang biasa ditemui sama ada berbisa atau tidak berbisa telah dibawa bagi memberi pengenalan yang lebih terperinci akan ciri-ciri ular dan kaedah pengendaliannya. Kursus berakhir dengan sesi soal jawab daripada para peserta.

Rajah 1: Peserta bersama fasilitator kursus

Rajah 2: Poster pengenalan ular

PROGRAM LAWATAN RASMI

PROGRAM LAWATAN RASMI

Lawatan Mempromosikan NAHRIM di Luar Negara

Bil.	Tajuk lawatan dan tempat	Tarikh lawatan	Urusetia
1.	Lawatan Aktiviti Promosi dan Pemasaran IAHR 2017 -Hohai University, Nanjing, China.	16-20 Mei 2016	Makmal Hidraulik dan Instrumentasi
2.	Lawatan Aktiviti Promosi dan Pemasaran IAHR 2017 -4th IAHR Europe Congress, Liege, Belgium	27 – 29 Julai 2016	Makmal Hidraulik dan Instrumentasi
3.	4th International Association For Hydro-Environment Engineering And Research (IAHR) Europe Congress, Management School, University of Liege, HEC-ULG, 14 Rue Louvrex, 4000 Liege, Belgium	25-31 Julai2016	Pusat Kajian Pantai dan Oseanografi
4.	Lawatan Aktiviti Promosi dan Pemasaran IAHR 2017 -20th Congress of the Asia Pacific Division of the International Association for Hydro Environment Engineering & Research, Colombo, Sri Lanka	29 – 31 Ogos 2016	Makmal Hidraulik dan Instrumentasi
5.	Menyertai pertandingan inovasi antarabangsa British Invention Show (BIS 2016) dengan membawa produk NAHRIM NRE – Blok Perlindungandan Perluasan Pantai NAHRIM (Blok NEXC) dan Berjaya membawa pulang Anugerah Double Gold, Gold dan Silver Awards, London, United Kingdom	18 – 24 Oktober 2016	Pusat Kajian Pantai dan Oseanografi
